



**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(266243-D)**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**  
**Laporan Para Pengarah dan Penyata Kewangan**  
**31 Disember 2011**

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**KANDUNGAN**

	<b>PAGE</b>
Laporan Para Pengarah	1 - 10
Penyata Para Pengarah	11
Akuan Berkanun	11
Laporan Jawatankuasa Shariah	12
Laporan Juruaudit Bebas	13 - 14
Penyata Kedudukan Kewangan	15
Penyata Pendapatan	16
Penyata Pendapatan Komprehensif	17
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	18
Penyata Kedudukan Kewangan Takaful Am	19
Penyata Pendapatan Takaful Am	20
Penyata Pendapatan Komprehensif Takaful Am	21
Penyata Kedudukan Kewangan Takaful Keluarga	22
Penyata Pendapatan Takaful Keluarga	23
Penyata Pendapatan Komprehensif Takaful Keluarga	24
Penyata Aliran Tunai	25 - 26
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	27 - 175

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh enam bulan kewangan berakhir 31 Disember 2011.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat adalah pengurusan perniagaan takaful am, takaful keluarga dan takaful berkaitan pelaburan.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama Syarikat sepanjang tempoh kewangan.

**HASIL**

**RM'000**

Keuntungan bersih bagi tempoh semasa	<u>43,516</u>
--------------------------------------	---------------

Tiada sebarang pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tempoh kewangan semasa.

Para Pengarah berpendapat bahawa keputusan operasi Syarikat sepanjang tempoh kewangan tidak dipengaruhi dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa.

**DIVIDEN**

Tiada dividen dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat sejak akhir tempoh kewangan sebelumnya.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen muktamad bagi tempoh kewangan semasa.

**SKIM SAHAM KAKITANGAN KUMPULAN MAYBANK**

Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESS") mengikut undang-undang kecil yang diluluskan oleh syarikat induk iaitu pemegang saham Malayan Banking Berhad ("MBB") pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 13 Jun 2011. ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011 dan berkuat kuasa bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh kuat kuasa bagi pekerja yang layak dan pengarah eksekutif dalam Kumpulan MBB.

Bilangan maksimum saham biasa Maybank bernilai RM1 di bawah ESS tidak boleh melebihi 10% daripada bilangan saham terbitan dan modal berbayar Maybank pada bila-bila masa sepanjang tempoh skim ini.

## **PARA PENGARAH**

Para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Dato' Mohd Salleh Haji Harun (Pengerusi)  
Damis Jacobus Ziengs (Naib Pengerusi)  
Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi  
Dato' Johan bin Ariffin  
Zainal Abidin Jamal  
Mohamed Nor Abdul Hamid  
Loh Lee Soon  
Gary Lee Crist  
Hans J. J. De Cuyper

## **JAWATANKUASA SHARIAH**

Syarikat dinasihatkan oleh Jawatankuasa Shariah ("SC"), yang komposisinya adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani Bin  
Haji Zakaria (Pengerusi)  
Prof. Datuk Dr. Syed Othman Bin  
Syed Hussin Alhabshi (Ahli)  
Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hassan (Ahli)  
Dr. Mohammad Deen Bin Mohd Napiah (Ahli)  
Dr. Ahcene Lahsasna (Ahli)  
Sarip Bin Abdul (Ahli)

(dilantik pada 3 August 2011)

SC bermesyuarat 5 kali dalam tempoh kewangan semasa.

## **MANFAAT PARA PENGARAH**

Sama ada pada akhir tempoh kewangan, mahupun pada bila-bila masa dalam tempoh itu, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat adalah satu pihak, di mana para pengarah mungkin mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau manajeranabandan korporat lain, selain daripada yang mungkin timbul daripada opsyen saham yang diberikan selaras dengan ESS syarikat induk muktamad, MBB.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah, atau gaji tetap pekerja sepenuh masa Syarikat seperti yang dinyatakan dalam Nota 25 dan 34 kepada penyata kewangan berkanun) oleh sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Mengikut daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan dalam saham-saham syarikat pemegangan induk muktamad, MBB dalam tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham</b>		
	<b>31 Disember</b>		
	<b>1 Julai 2011</b>	<b>DRP*</b>	<b>Dibeli</b>
<b>Kepentingan langsung:</b>			
Dato' Mohd Salleh Haji Harun	305,981	8,801	-
Dato' Johan bin Ariffin	122,805	3,532	-
Mohamed Nor bin Abdul Hamid	10,100	290	-
<b>Kepentingan tidak langsung:</b>			
Mohamed Nor bin Abdul Hamid	22,751	-	-
			22,751

	<b>Bilangan Opsyen Ke atas Saham Biasa</b>		
	<b>RM0.627 setiap satu</b>		
	<b>1 Julai 2011</b>	<b>Diberikan</b>	<b>Dilaksanakan</b>
Hans J. J. De Cuyper	200,000	-	-
			200,000

\* DRP = Pelan dividen Pelaburan Semula

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham-saham dalam Syarikat atau syarikat berkaitannya dalam tempoh kewangan.

## LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah mengambil langkah-langkah munasabah:
  - (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa terdapat sebarang hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan sebarang aset semasa yang tidak pasti akan menepati nilainya sebagaimana ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan harian telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang mungkin dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:
  - (i) jumlah untuk hapuskira sebagai hutang lapuk atau peruntukan untuk hutang ragu dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak memadai keperluan; dan
  - (ii) nilai aset semasa dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak tepat.

### LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang mungkin timbul sejurusnya yang mengakibatkan kaedah penilaian terkini aset atau liabiliti Syarikat salah atau tidak tepat.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak sedar akan sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang mengakibatkan jumlah dibentangkan dalam penyata kewangan tidak tepat.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tiada kewujudan:
  - (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan yang melindungi liabiliti sebarang orang; atau
  - (ii) tiada kewujudan sebarang liabiliti luar jangkaan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
  - (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tempoh kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) tiada perkara, urusniaga atau peristiwa bersifat material dan luar biasa telah timbul dalam jangkamasa di antara akhir tempoh kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tempoh kewangan di mana laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e)(ii) dan (f)(i), liabiliti kontigen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti timbul daripada kontrak insurans takaful yang diunderait dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

- (g) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi untuk tuntutan yang dilaporkan, tuntutan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") dan penilaian aktuari liabiliti takaful keluarga.

### URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah ("Lembaga") komited untuk memastikan bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tertinggi diamalkan di dalam Syarikat. Ini adalah sebahagian asas dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

## **URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)**

### **(a) Tanggungjawab lembaga**

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan dengan Akta Takaful, 1984 dan Bank Negara Malaysia ("BNM") Garis Panduan, termasuk BNM/RH/GL/004-1: *Garis Panduan mengenai Jawatan Pengarah bagi Pengendali Takaful*. Mereka juga perlu mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dengan mengamalkan amalan terbaik seperti yang ditetapkan di bawah BNM/RH/GL/003-2: *Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat bagi Syarikat Insurans*.

Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah meluluskan pelaburan utama, pelupusan Syarikat dan keputusan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Fungsi-fungsi ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi di mana Syarikat sepautnya beroperasi dan pengurusan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakannya. Penandaan ini memperkuuhkan lagi peranan penyeliaan Lembaga.

Dengan itu, Syarikat mempunyai struktur pengorganisasian yang menunjukkan semua garis pelaporan serta juga mendokumenkan secara jelas keterangan kerja bagi semua pengurusan dan kakitangan eksekutif dan penilaian prestasi rasmi dilakukan secara tahunan.

Para pengarah, dengan latar belakang dan pengalaman yang berbeza, secara kolektif membawa bersama mereka rangkaian meluas kemahiran dan pengetahuan khusus yang diperlukan bagi pengurusan Syarikat.

Lembaga bermesyuarat 3 kali dalam tempoh kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Bilangan Mesyuarat Lembaga Dihadiri</b>	<b>%</b>
Dato' Mohd Salleh Haji Harun Pengerusi	3/3	100
Damis Jacobus Ziengs (Naib Pengerusi)	3/3	100
Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi	3/3	100
Dato' Johan bin Ariffin	3/3	100
Zainal Abidin Jamal	2/3	67
Mohamed Nor Abdul Hamid	3/3	100
Loh Lee Soon	3/3	100
Gary Lee Crist	3/3	100
Hans J. J. De Cuyper	3/3	100

## URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)

### (b) Keber tanggungjawaban Pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mewujudkan rangka kerja dan polisi di mana Syarikat sepatutnya beroperasi, pihak pengurusan pula bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

### (c) Kebebasan korporat

Semua urus niaga pihak berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan.

### (d) Kawalan dalaman dan audit

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas kawalan dalaman Syarikat dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya; oleh itu, sistem dan proses yang diimplementasikan bertujuan untuk mengurangkan dan mengurus risiko. Syarikat telah mewujudkan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan cara yang berkesan dan cekap serta untuk melindungi aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan ke atas keberkesaan dan kecukupan kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan di mana perlu, diambil tepat pada masanya.

Laporan audit dalaman akan dibentangkan pada Jawatankuasa Audit pertama dijadualkan ("AC") mesyuarat selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, dan penemuan dan cadangan yang disampaikan kepada pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

Komposisi AC adalah seperti berikut:

Loh Lee Soon (Pengerusi)  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Damis Jacobus Ziengs  
Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

AC bermesyuarat 2 kali dalam tempoh kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

Nama	Bilangan Mesyuarat Lembaga Dihadiri	%
Loh Lee Soon	2/2	100
Damis Jacobus Ziengs	2/2	100
Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi	2/2	100

## **URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)**

### **(e) Pengurusan Risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus bidang risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko bertepatan dan berfungsi dengan berkesan.

Syarikat menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, RMC dilengkapi oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga dan dibantu oleh Jawatankuasa Aset Liabiliti ("ALCO") pengurusan.

SC, ditubuhkan sebagai mematuhi Akta Takaful 1984, akan menyelia operasi Syarikat bagi memastikan agar mereka sentiasa sejahtera dengan prinsip-prinsip Shariah.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu membuat dasar, pemantauan dan kawalan dan penerimaan risiko, sementara pendekatan pengurusan risiko disandarkan kepada tiga barisan pertahanan, iaitu mengambil risiko, risiko kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman. Risiko telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko takaful, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaran imbangan) serta risiko operasi.

Terdapat proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat di dalam rundingan dengan SC. Ini dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan dan kawalan dalaman, yang merangkumi penubuhan had risiko operasi bagi kesemua aktiviti teras.

Komposisi RMC adalah seperti berikut:

Mohamed Nor Abdul Hamid (Pengerusi)  
Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas

Damis Jacobus Ziengs  
Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas

Datuk R Karunakaran  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Dato' Johan bin Ariffin  
Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas

RMC bermesyuarat 4 kali dalam tempoh kewangan.

**URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)**

**(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran**

Syarikat akan terus menuil ke atas Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan Lembaga (“NRC”) sedia ada yang telah berkuat kuasa sebagai jawatankuasa digabung syarikat pemegangan induk muktamad, MBB, pada 27 Mei 2010 sebagai sebahagian dari struktur tadbir urus.

Objektif utama NRC adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, rasmi dan telus bagi pelantikan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga secara keseluruhan dan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan utama.

Selanjutnya, NRC juga bertanggungjawab untuk menyediakan prosedur rasmi dan telus bagi membangunkan polisi imbuhan bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai kanan utama dan memastikan agar pampasan mereka adalah berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Komposisi NRC adalah seperti berikut:-

Dato' Mohd Salleh Hj Harun (Chairman)  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Dato' Dr Tan Tat Wai  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Zainal Abidin bin Jamal  
Pengarah bukan eksekutif, bukan bebas

Alister Maitland  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Dalam tempoh kewangan, Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan bermesyuarat 6 kali.

**URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)**

**(g) Jawatankuasa Pelaburan**

Berikutnya dengan pemindahan perniagaan insurans hayat Sri MLAB Berhd (di bawah ahli sukarela pembubaran) kepada Etiqa Insurance Berhad ("EIB"), sebuah sebsidiari pada 24 September 2011, Jawatankuasa Pelaburan ("IC") kini ditubuhkan di EIB.

Objektif termasuk IC, untuk membentangkan pendapat mengenai polisi pelaburan strategik jangka panjang termasuk harta tanah, sebagai saranan kepada Mesyuarat Pengurusan Risiko ("RMM")/RMC/Lembaga Pengarah berdasarkan nasihat ALCO, untuk menubuhkan sebuah pelaburan taktikal dasar berdasarkan cadangan yang dibuat oleh pengurus pelaburan dan dalam sempadan yang ditetapkan di mandat Pengurusan pelaburan ("IMM"), untuk menguji polisi yang dijalankan oleh pengurus pelaburan terhadap pelaburan taktikal dan strategik/mandat pengurusan aset, dan untuk menilai dan meluluskan polisi operasi dilaksanakan oleh pengurus pelaburan. Ia juga menilai, mengulas dan mengekalkan Garis Panduan Pengurusan Pelaburan ("IMG"), berdasarkan nasihat ALCO dan merundingkan syarat dengan, melantik atau memecat pengurus dana luaran, penjaga, bank dan pengantara kewangan lain.

IC melapor kepada Lembaga semua syarikat beroperasi di bawah mayban Ageas Holdings Berhad ("MAHB").

Komposisi IC adalah seperti berikut:-

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (Pengerusi)  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Al-Habshi  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

Mohd Din bin Merican  
Ketua Pegawai Eksekutif, EIB

(meletak jawatan sebagai CEO EIB  
pada 31 Disember 2011)

Ahmad Shahril Azuar Jimin  
Ketua Pegawai Eksekutif, ETB

(tamat tempoh jawatan sebagai CEO ETB  
pada 31 Disember 2011)

Hans J. J. De Cuyper  
Ketua Pegawai Eksekutif, MAHB

Datuk R Karunakaran  
Pengarah bukan eksekutif, bebas

IC bermesyuarat 2 kali dalam tempoh kewangan.

**URUS TADBIR KORPORAT (SAMB)**

**(h) Kebertanggungjawaban awam**

Sebagai kustodian dana awam, urus niaga Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

**(i) Pelaporan kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan menyeluruh operasi dan prospek Syarikat setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. Lembaga AC membantu dengan meneliti maklumat yang akan didedahkan bagi memastikan ketepatan, kecukupan dan kesempurnaan.

**PERUBAHAN TAHUN KEWANGAN BERAKHIR**

Syarikat telah mengubah tahun kewangan akhirnya daripada 30 Jun kepada 31 Disember untuk tempoh kewangan semasa untuk menyelaraskannya dengan perubahan tarikh tahun kewangan akhir syarikat induk muktamad, MBB.

Sehubungan itu, penyata kewangan Syarikat bagi tempoh kewangan semasa berakhir 31 Disember 2011 meliputi tempoh enam bulan berbanding tempoh dua belas bulan bagi tahun kewangan sebelumnya berakhir 30 Jun 2011, dan oleh itu jumlah perbandingan bagi penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti, penyata aliran tunai dan nota berkaitan tidak sewajarnya dibandingkan.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young, bersara dan telah menyatakan kesediaannya untuk terus memegang jawatan.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para pengarah.

Dato' Mohd Salleh Haji Harun

Hans J. J. De Cuyper

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2012

**266243-D**

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PARA PENGARAH  
SELARAS DENGAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT 1965**

Kami, Dato' Mohd Salleh Hj Harun dan Hans J. J. Cuyper, sebagai dua orang pengarah Etqua Takaful Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 15 hingga 175 disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, sebagaimana diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia, dan Akta Syarikat 1965 untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2011 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tempoh enam bulan kewangan berakhir pada 31 Disember 2011.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para pengarah.

Dato' Mohd Salleh Haji Harun

Hans J. J. De Cuyper

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2012

**PERAKUAN BERKANUN  
SELARAS DENGAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965**

Saya, Lok Hoe San, sebagai Pegawai utama bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan Etqua Takaful Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan pada muka surat 15 hingga 175 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat perakuan ini dengan secara sedar mempercayai yang sama sebagai benar dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya  
diperakui oleh Lok Hoe San di  
Kuala Lumpur in Wilayah Persekutuan  
pada 23 Februari 2012

Lok Hoe San

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN JAWATANKUASA SHARIAH**

Kami, Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria dan Dr. Mohammad Deen bin Mohd Napiah, merupakan dua orang ahli Jawatankuasa Shariah Etiqa Takaful Berhad, dengan ini melaporkan bagi pihak Jawatankuasa bahawa setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik kami dan mengikut maklumat dan penerangan diberikan kepada kami, pada pendapat kami, kegiatan perniagaan Syarikat bagi tempoh enam bulan kewangan berakhir 31 Disember 2011 telah dilaksanakan dengan mematuhi keperluan Shariah.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa.

Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani  
bin Haji Zakaria

Dr. Mohammad Deen bin  
Mohd Napiah

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2012

**266243-D**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli  
Etiqa Takaful Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan mengenai penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Etiqa Takaful Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan kewangan berakhir pada 31 Disember 2011, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain maklumat penjelasan, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 15 hingga 175.

*Tanggungjawab para pengarah bagi penyata kewangan*

Para pengarah syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan, sebagaimana diubahsuai oleh garis panduan bank negara malaysia (“BNM”) dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, dan bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana para pengarah tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salahnyataan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

*Tanggungjawab juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material mengenai penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan penyata kewangan entiti yang memberikan gambaran sebenar dan saksama untuk mereka prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

**266243-D**

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli  
Etiqa Takaful Berhad (Samb)  
(Diperbadankan di Malaysia)**

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan sewajarnya selaras dengan piawaian pelaporan kewangan, yang diubahsuai oleh garis panduan bank negara malaysia (“BNM”) dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan syarikat pada 31 Disember 2011 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tempoh enam bulan berakhir pada ketika itu.

**Laporan mengenai keperluan undang-undang dan berperaturan lain**

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan daftar yang diperlukan oleh akta untuk disimpan oleh syarikat telah disimpan sewajarnya selaras dengan peruntukan Akta.

**Perkara-perkara lain**

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain bagi kandungan laporan ini.

Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

Nik Rahmat Kamarulzaman bin Nik Ab. Rahman  
No.1759/02/14(J)  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2012

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan Etiqa Takaful Berhad yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli Etiqa Takaful Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2011**

	Nota	31.12.2011 RM'000	30.06.2011 RM'000	1.07.2010 RM'000
			(Dinyatakan semula)	(Dinyatakan semula)
<b>ASET</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	3	1,459	4,678	3,486
Aset tidak ketara	4	12,431	12,395	15,854
Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")	5	204,222	180,079	175,633
Pinjaman dan penghutang	7	130,748	154,094	73,143
Penghutang pembiayaan	8	21,055	22,192	21,532
Lain-lain penghutang	10	522,481	499,761	445,015
Tunai dan baki bank		18,510	1,166	5,404
<b>Jumlah aset dana pemegang saham</b>		<b>910,906</b>	<b>874,365</b>	<b>740,067</b>
<b>Jumlah aset dana takaful am</b>		<b>1,496,043</b>	<b>1,414,538</b>	<b>1,042,636</b>
<b>Jumlah aset dana takaful keluarga</b>		<b>6,986,363</b>	<b>6,626,753</b>	<b>5,932,549</b>
<b>Jumlah aset</b>		<b>9,393,312</b>	<b>8,915,656</b>	<b>7,715,252</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Ekuiti</b>				
Modal saham	12	100,000	100,000	100,000
Keuntungan tertahan		519,454	475,938	352,612
Rizab AFS		10,790	10,983	6,914
<b>Jumlah ekuiti pemegang saham</b>		<b>630,244</b>	<b>586,921</b>	<b>459,526</b>
<b>Liabiliti</b>				
Liabiliti cukai tertunda	11	6,747	7,772	4,029
Liabiliti perbelanjaan	18	217,973	219,057	190,054
Lain-lain pembiayaan	16	55,722	58,997	53,280
Liabiliti cukai semasa		220	1,618	33,178
<b>Jumlah liabiliti dana pemegang saham</b>		<b>280,662</b>	<b>287,444</b>	<b>280,541</b>
<b>Jumlah liabiliti dana takaful am</b>		<b>1,496,043</b>	<b>1,414,538</b>	<b>1,042,636</b>
<b>Jumlah liabiliti dana takaful keluarga</b>		<b>6,986,363</b>	<b>6,626,753</b>	<b>5,932,549</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>8,763,068</b>	<b>8,328,735</b>	<b>7,255,726</b>
<b>Jumlah liabiliti, dana peserta</b>				
<b>dan ekuiti pemegang saham</b>		<b>9,393,312</b>	<b>8,915,656</b>	<b>7,715,252</b>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011	1.07.2010 ke 30.06.2011
		RM'000	RM'000
			(Dinyatakan semula)
<b>Pendapatan operasi</b>	19	<u>115,565</u>	<u>220,416</u>
Pendapatan yuran dan komisen	21	109,526	207,919
Pendapatan pelaburan	22	6,039	12,497
Keuntungan dan kerugian direalisasi	23	1,966	5,696
Lain-lain pendapatan operasi	24	1,779	11,733
<b>Pendapatan lain</b>		<u>119,310</u>	<u>237,845</u>
Perbelanjaan pengurusan	25	(66,350)	(124,982)
Perubahan dalam liabiliti perbelanjaan	26	1,084	(29,003)
Perbelanjaan yuran dan komisen	27	(46,856)	(90,695)
<b>Perbelanjaan lain</b>		<u>(112,122)</u>	<u>(244,680)</u>
Pemindahan dari penyata pendapatan takaful:			
Dana takaful am (muka surat 20)		12,941	35,522
Dana takaful keluarga (muka surat 23)		46,851	130,382
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		<u>66,980</u>	<u>159,069</u>
Cukai	28	(19,725)	(29,050)
Zakat		(3,739)	(6,693)
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>		<u>43,516</u>	<u>123,326</u>
Pendapatan asas sesaham (sen)	30	<u>43.5</u>	<u>123.3</u>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
 BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011	1.07.2010 ke 30.06.2011
		RM'000	RM'000
			(Dinyatakan semula)
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>		43,516	123,326
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif:</b>			
Keuntungan bersih atas aset kewangan AFS:			
Keuntungan atas perubahan nilai saksama		1,708	11,122
Keuntungan direalisasi dipindah kepada :penyata pendapatan	23	(1,966)	(5,696)
Kesan cukai berkaitan dengan komponen lain-lain pendapatan komprehensif		<u>65</u>	<u>(1,357)</u>
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun, ditolak cukai</b>		<u>(193)</u>	<u>4,069</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun</b>		<u>43,323</u>	<u>127,395</u>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	<b>Agihan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat</b>				<b>Jumlah Ekuiti RM'000</b>	
	<b>Tidak Boleh Diagih</b>		<b>Boleh Diagih</b>			
	<b>Nota</b>	<b>Modal Saham RM'000</b>	<b>Rizab AFS RM'000</b>	<b>Keuntungan Tertahan RM'000</b>		
<b>Pada 1 Julai 2011, seperti dinyatakan sebelumnya</b>		100,000	10,983	382,261	493,244	
Kesan penggunaan garis panduan BNM	2.5	-	-	93,457	93,457	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.5	-	-	4,336	4,336	
Kesan kejejasan kerugian atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.5	-	-	(4,116)	(4,116)	
<b>Pada 1 Julai 2011, seperti dinyatakan semula</b>		100,000	10,983	475,938	586,921	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa		-	(193)	43,516	43,323	
<b>Pada 31 Disember 2011</b>		100,000	10,790	519,454	630,244	
<b>Pada 1 Julai 2010, seperti dinyatakan sebelumnya</b>		100,000	6,914	310,457	417,371	
Kesan penggunaan garis panduan BNM	2.5	-	-	41,935	41,935	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.5	-	-	4,336	4,336	
Kesan kejejasan kerugian atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.5	-	-	(4,116)	(4,116)	
<b>Pada 1 Julai 2010, seperti dinyatakan semula</b>		100,000	6,914	352,612	459,526	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa, seperti dinyatakan semula		-	4,069	123,326	127,395	
<b>Pada 30 Jun 2011, seperti dinyatakan semula</b>		100,000	10,983	475,938	586,921	

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL AM**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2011**

	<b>Nota</b>	<b>31.12.2011</b>	<b>30.06.2011</b>	<b>1.07.2010</b>
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
			<b>(Dinyatakan semula)</b>	<b>(Dinyatakan semula)</b>
<b>ASET</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	3	6	8	13
Aset tidak ketara	4	33	568	102
Aset kewangan AFS	5	824,536	793,090	568,540
Pinjaman dan penghutang	7	262,760	181,873	231,632
Penghutang pembiayaan	8	-	1,621	1,696
Penghutang takaful	9	92,652	97,618	73,005
Lain-lain penghutang	10	11,818	10,634	7,258
Aset takaful semula	17	278,108	300,064	123,280
Tunai dan baki bank		26,130	29,062	37,110
<b>Jumlah aset dana takaful am</b>		<b>1,496,043</b>	<b>1,414,538</b>	<b>1,042,636</b>

**DANA DAN LIABILITI PESERTA**

<b>Dana Peserta</b>				
Dana takaful am	13	87,946	92,690	75,606
<b>Liabiliti</b>				
Pemutang takaful	15	56,937	64,691	68,509
Lain-lain pemutang	16	207,228	209,932	140,473
Liabiliti sijil takaful	17	1,137,876	1,042,855	740,632
Liabiliti cukai semasa		6,056	4,370	17,416
<b>Jumlah liabiliti dana takaful am</b>		<b>1,408,097</b>	<b>1,321,848</b>	<b>967,030</b>
<b>Jumlah liabiliti dana takaful am dan dana peserta</b>		<b>1,496,043</b>	<b>1,414,538</b>	<b>1,042,636</b>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL AM**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011 RM'000	1.07.2010 ke 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Pendapatan operasi</b>	19	<u>376,304</u>	<u>670,008</u>
Caruman terperoleh kasar	20(a)	369,683	525,480
Caruman terperoleh diserahkan kepada pengendali takaful semula	20(b)	<u>(76,567)</u>	<u>(65,927)</u>
<b>Caruman terperoleh bersih</b>		<u>293,116</u>	<u>459,553</u>
Pendapatan yuran dan komisen	21	6,145	16,637
Pendapatan pelaburan	22	20,589	33,767
Keuntungan dan kerugian direalis	23	9,290	15,488
Lain-lain pendapatan operasi	24	<u>3,655</u>	<u>-</u>
<b>Lain-lain pendapatan</b>		<u>39,679</u>	<u>65,892</u>
Manfaat dan tuntutan kasar dibayar		(138,347)	(265,859)
Tuntutan diserahkan kepada takaful semula		5,536	28,590
Perubahan kasar kepada liabiliti sijil		(108,989)	(191,462)
Perubahan dalam liabiliti sijil diserahkan kepada takaful semula		<u>23,449</u>	<u>140,938</u>
<b>Manfaat dan tuntutan bersih</b>		<u>(218,351)</u>	<u>(287,793)</u>
Perbelanjaan pengurusan	25	(534)	(520)
Perbelanjaan yuran dan komisen	27	(88,029)	(161,316)
Lain-lain pendapatan operasi	24	<u>-</u>	<u>(4,772)</u>
<b>Lain-lain perbelanjaan</b>		<u>(88,563)</u>	<u>(166,608)</u>
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		25,881	71,044
Lebihan boleh diagihkan kepada Syarikat dan dipindahkan kepada dana pemegang saham		(12,941)	(35,522)
Cukai	28	<u>-</u>	<u>9,835</u>
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>		<u>12,940</u>	<u>45,357</u>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL AM**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011 RM'000	1.07.2010 ke 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>	<b>12,940</b>	<b>45,357</b>
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif:</b>		
Keuntungan bersih atas aset kewangan AFS:		
Keuntungan atas perubahan nilai saksama	4,666	29,915
Keuntungan direalis dipindah kepada penyata pendapatan	23	<u>(9,290)</u>
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun</b>	<b>(4,624)</b>	<b>14,427</b>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun</b>	<b>8,316</b>	<b>59,784</b>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2011**

<b>Nota</b>	<b>31.12.2011</b>	<b>30.06.2011</b>	<b>1.07.2010</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
		<b>(Dinyatakan semula)</b>	<b>(Dinyatakan semula)</b>
<b>ASET</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	5	9
Aset tidak ketara	4	911	1,235
Aset kewangan AFS	5	1,975,704	1,845,538
Aset kewangan FVTPL	6	3,711,116	3,386,086
Pinjaman dan penghutang	7	1,001,114	1,050,071
Penghutang pembiayaan	8	40,878	53,486
Penghutang takaful	9	68,449	80,272
Lain-lain penghutang	10	91,606	84,708
Aset takaful semula	17	18,832	21,081
Tunai dan baki di bank		44,180	20,042
Aset perniagaan berkait pelaburan	29	70,252	120,909
<b>Jumlah aset dana takaful keluarga</b>		<b>7,023,047</b>	<b>6,663,437</b>
			<b>5,969,233</b>
<b>DANA DAN LIABILITI PESERTA</b>			
<b>Dana Peserta</b>			
Dana takaful keluarga	14	1,578,722	1,495,616
Dana takaful berkait pelaburan	29	67,698	116,880
<b>Jumlah dana peserta takaful keluarga</b>		<b>1,646,420</b>	<b>1,612,496</b>
			<b>1,535,235</b>
<b>Liabiliti</b>			
Pemutang takaful	15	69,800	79,677
Lain-lain pemutang	16	508,947	474,543
Liabiliti sijil takaful	17	4,744,336	4,451,278
Liabiliti cukai semasa		50,990	41,414
Liabiliti perniagaan berkait pelaburan	29	2,554	4,029
<b>Jumlah liabiliti dana takaful keluarga</b>		<b>5,376,627</b>	<b>5,050,941</b>
			<b>4,433,998</b>
<b>Jumlah liabiliti dana takaful keluarga dan dana peserta</b>		<b>7,023,047</b>	<b>6,663,437</b>
			<b>5,969,233</b>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011 RM'000	1.07.2010 ke 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Pendapatan operasi</b>	19	<u>821,234</u>	<u>1,499,121</u>
Caruman terperoleh kasar	20(a)	726,054	1,446,589
Caruman terperoleh diserahkan kepada pengendali takaful semula	20(b)	(10,608)	(20,236)
<b>Caruman terperoleh bersih</b>		<u>715,446</u>	<u>1,426,353</u>
Pendapatan yuran dan komisen	21	42	2,331
Pendapatan pelaburan	22	145,317	257,571
Keuntungan dan kerugian direalis	23	46,123	63,778
Pendapatan nilai saksama dan kerugian		34,019	64,402
<b>Lain-lain pendapatan</b>		<u>225,501</u>	<u>388,082</u>
Manfaat dan tuntutan kasar dibayar		(303,380)	(609,357)
Tuntutan diserahkan kepada takaful semula		6,790	3,949
Perubahan kasar kepada liabiliti sijil		(313,879)	(545,924)
Perubahan dalam liabiliti sijil diserahkan kepada takaful semula		(2,249)	(9,997)
<b>Manfaat dan tuntutan bersih</b>		<u>(612,718)</u>	<u>(1,161,329)</u>
Perbelanjaan pengurusan	25	(53,636)	(78,071)
Perbelanjaan yuran dan komisen	27	(108,123)	(241,763)
Lain-lain pendapatan operasi	24	(17,451)	(12,508)
<b>Lain-lain perbelanjaan</b>		<u>(179,210)</u>	<u>(332,342)</u>
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		149,019	320,764
Lebihan boleh diagihkan kepada Syarikat dan dipindahkan kepada dana pemegang saham		(46,851)	(130,382)
Cukai	28	-	28,686
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>		<u>102,168</u>	<u>219,068</u>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Nota	1.07.2011 ke 31.12.2011 RM'000	1.07.2010 ke 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Keuntungan bersih bagi tempoh/tahun</b>	102,168	219,068
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif:</b>		
Keuntungan bersih atas aset kewangan AFS:		
Keuntungan atas perubahan nilai saksama	29,691	133,282
Keuntungan direalis dipindah kepada penyata pendapatan	23	<u>(36,960)</u>
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun</b>	<u>(7,269)</u>	<u>76,550</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh/tahun</b>	<b><u>94,899</u></b>	<b><u>295,618</u></b>

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Nota	31.12.2011 RM'000	30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	66,980	159,069
Pelarasan bagi:		
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	378	1,239
Pelunasan aset tidak ketara	4,090	6,343
(Pembalikan)/peruntukan kejejasan bagi penghutang takaful	(3,798)	10,409
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan	(52,490)	(72,831)
Pendapatan pelaburan	(150,345)	(252,880)
Pendapatan dividen kasar	(14,230)	(33,550)
Penambahan diskau	(8,268)	(18,981)
Pendapatan nilai saksama atas pelaburan	(34,019)	(64,402)
Keterbalikan bersih kerosotan nilai atas pelaburan	(4,889)	(12,135)
Peruntukan bersih bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	18,229	4,945
Peningkatan dalam rizab caruman tidak terperoleh	31,437	74,915
Peningkatan dalam dana takaful am	13,469	45,367
Peningkatan dalam dana takaful keluarga	376,656	740,297
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	<u>243,200</u>	<u>587,805</u>
Perolehan daripada pelupusan pelaburan	817,444	1,173,011
Pembelian pelaburan	(1,259,382)	(2,001,214)
Pengurangan dalam penghutang takaful	28,811	37,649
Pengurangan dalam lain-lain penghutang	9,932	2,182
(Pengurangan)/peningkatan dalam lain-lain pembiutang	(13,248)	67,240
(Peningkatan)/pengurangan dalam liabiliti perbelanjaan	(1,084)	29,003
(Peningkatan)/pengurangan dalam pembiutang takaful	(15,477)	10,465
Pengurangan dalam penghutang pembiayaan	15,355	3,345
Peningkatan dalam penempatan akaun pelaburan Islam	(8,583)	(145,040)
Peningkatan dalam liabiliti tuntutan	106,362	67,977
	<u>(76,670)</u>	<u>(167,577)</u>
Pendapatan pelaburan diterima	150,497	257,512
Pendapatan dividen diterima	14,496	22,934
Zakat dibayar	(305)	(4,544)
Cukai dibayar	(21,983)	(59,121)
Pengembalian cukai	-	499
Mudharabah dibayar kepada peserta	<u>(24,852)</u>	<u>(62,943)</u>
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	<u>32</u>	<u>41,183</u>
		(13,240)

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Note	31.12.2011 RM'000	30.06.2011 RM'000
		(Dinyatakan semula)

**ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN**

Pembelian aset tidak ketara	(2,497)	(2,718)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(136)	(2,530)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	<u>32</u>	<u>(2,633)</u>

<b>Peningkatan/(pengurangan) dalam tunai dan setara tunai</b>	32	38,550	(18,488)
<b>Tunai dan setara tunai pada awal tempoh/tahun</b>		50,270	68,758
<b>Tunai dan setara tunai pada akhir tempoh/tahun</b>		<u>88,820</u>	<u>50,270</u>

**Tunai dan setara tunai terdiri daripada:**

Tunai dan baki di bank:			
Dana pemegang saham	18,510	1,166	
Dana takaful am	26,130	29,062	
Dana takaful keluarga	<u>44,180</u>	<u>20,042</u>	
	<u>88,820</u>	<u>50,270</u>	

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Kegiatan utama Syarikat adalah pengurusan takaful am, takaful keluarga dan perniagaan takaful berkaitan pelaburan .

Tidak ada perubahan ketara dalam sifat kegiatan Syarikat sepanjang tempoh enam bulan kewangan bermula dari 1 Julai 2011 ke 31 Disember 2011.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 19, Menara C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Syarikat pemegangan dan pemegangan induk Syarikat masing-masing adalah Mayban Ageas Holdings Berhad (“MAHB”) (dahulunya dikenali sebagai Mayban Fortis Holdings Berhad) dan Malayan Banking Berhad (“MBB”), kedua-dua yang mana diperbadankan di Malaysia. MBB adalah sebuah bank komersial berlesen yang disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat telah mengubah tahun kewangan akhirnya daripada 30 Jun kepada 31 Disember. Oleh itu, penyata kewangan Syarikat bagi tempoh kewangan semasa berakhir 31 Disember 2011 merangkumi tempoh enam bulan berbanding kepada tempoh dua belas bulan bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2011, dan oleh itu jumlah perbandingan tidak sewajarnya dibandingkan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, pertukaran dalam ekuti, aliran tunai dan nota-nota berkaitan.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diperbentangkan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para pengarah pada 23 Februari 2012.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**2.1 Asas Penyediaan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan dengan mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) di Malaysia, sebagaimana diubahsuai oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”).

Pada permulaan tempoh kewangan semasa, Syarikat telah menerima pakai sepenuhnya FRS baru dan disemak semula, Tafsiran Jawatankuasa Terbitan (“IC”) dan pindaan kepada FRS di Malaysia sebagaimana dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.3.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.1 Asas Penyediaan (Samb)**

Selaras dengan Garis Panduan Laporan Kewangan BNM untuk Pengendali Takaful, Syarikat membentangkan penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan nota-nota penjelasan mengikut dana. Pengubahan dalam pembentangan ini adalah pengubahsuaian kepada FRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan* yang diluluskan oleh BNM di bawah Seksyen 41 Akta Takaful, 1984. Mengikut garis panduan ini, pengendali-pengendali takaful dihendaki memastikan jumlah aset dan liabiliti yang diagregatkan dikemukakan dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah bersih daripada Qard dan akaun pelaburan berkaitan Islam untuk mengelakkan pengiraan berganda aset dan terlebih nyataan liabiliti. Syarat ini telah ditunjukkan dalam penyata kewangan tempoh semasa.

Penyata kewangan Syarikat juga telah disediakan atas dasar kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan.

Aset kewangan dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila terdapat hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan jumlah diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan tidak akan diseimbangkan dalam penyata pendapatan melainkan diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, sebagaimana secara khusus dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan Syarikat.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang juga merupakan mata wang kefungsian Syarikat dan semua nilai dibundarkan kepada ribu terhampir, (RM’000) melainkan dinyatakan sebaliknya.

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting**

**(a) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai**

Segala harta tanah dan peralatan pada awalnya direkodkan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perkara tersebut akan mengalir ke dalam Syarikat dan kos perkara boleh diukur dengan betul. Jumlah dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pemberian dan penyelenggaraan lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(a) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai (Samb)**

Sejurus pengiktirafan awal, harta tanah, loji dan peralatan, dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul.

Susut nilai ke atas harta tanah dan peralatan diperuntukkan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai bakinya sepanjang anggaran hayat berguna pada kadar tahunan berikut:

Perabot, pemasangan, peralatan dan ubahsuaian pejabat	20%
Peralatan komputer	25%
Kenderaan bermotor	25%

Kaedah nilai baki, hayat berguna dan susut nilai disemak pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan agar jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya dan corak penggunaan dijangka manfaat ekonomi masa hadapan yang disertakan dalam perkara harta tanah dan peralatan.

Perkara harta tanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul atas penyahiktirafan aset dimasukkan dalam penyata pendapatan.

**(b) Aset Tidak Ketara**

Lain-lain aset tidak ketara termasuk kos pembangunan perisian dan perisian komputer. Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam kombinasi perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pembelian. Berikutan dengan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dinyatakan pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kerosotan nilai terkumpul. Hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada sebagai pasti atau tidak pasti. Aset tidak ketara dengan hayat pasti dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi berguna dan dinilai bagi kerosotan nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara mungkin rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna pasti disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh pelaporan.

Pelunasan dicaj kepada penyata kewangan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(b) Aset Tidak Ketara (Samb)**

Aset tidak ketara dengan hayat berguna tidak pasti tidak dilunaskan tetapi diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan atau dengan lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin rosot nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penghasilan tunai. Hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak pasti juga disemak secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna masih boleh dikenakan.

**(i) Kos pembangunan perisian**

Pembangunan perisian dalam pelaksanaan diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan dan mewakili perbelanjaan pembangunan ke atas perisian. Berikutnya dengan pengiktirafan awal perbelanjaan pembangunan, model kos digunakan memerlukan aset untuk dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian kerosotan terkumpul. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset diklasifikasikan sebagai perisian dan tersedia untuk kegunaan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh penggunaan masa hadapan dijangka. Dalam tempoh yang mana aset masih belum digunakan, ia diuji bagi kerosotan nilai secara tahunan.

**(ii) Perisian komputer dan pelesenan**

Hayat berguna perisian komputer dan pelesenan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna selama 4 tahun. Kerosotan nilai dinilai apabila terdapat petunjuk kerosotan nilai dan tempoh dan kaedah pelunasan juga disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh pelaporan.

**(c) Pajakan**

**(i) Klasifikasi**

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindahkan kepada Syarikat, sebahagian besar risiko dan ganjaran sampingan berkaitan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan dalam cara yang sama dengan pajakan lain-lain aset dan elemen-elemen tanah dan bangunan pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan pengelasan pajakan. Semua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(c) Pajakan (samb)**

**(ii) Pajakan operasi - Syarikat sebagai pemegang pajakan**

Bayaran pajakan kendalian diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan berkenaan.

**(d) Pelaburan dan aset kewangan**

Aset kewangan diiktiraf didalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat dan/atau dana takaful menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, ditambah, dalam kes aset kewangan tidak pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, kos urus niaga secara langsung.

Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangan seperti berikut:

**(i) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (" FVTPL")**

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan FVTPL jika ia dipegang untuk perdagangan atau sebegitu semasa pengiktirafan awal. Aset kewangan yang dipegang untuk urusniaga derivatif (termasuk derivatif tercantum dipisahkan) atau aset kewangan yang diperolehi terutamanya bagi tujuan jualan menjual pada masa depan.

Untuk menetapkan aset FVTPL, kriteria berikut hendaklah dipenuhi:

- penetapan itu menghapuskan atau dengan ketara mengurangkan rawatan yang tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul daripada mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf keuntungan atau kerugian atas dasar yang berbeza; atau
- aset dan liabiliti adalah sebahagian daripada kumpulan aset kewangan, liabiliti kewangan atau kedua-duanya yang diuruskan dan prestasi mereka dinilai berdasarkan nilai saksama, selaras dengan pengurusan risiko yang didokumenkan atau strategi pelaburan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(d) Pelaburan dan aset kewangan (Samb)**

**(i) Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL") (Samb)**

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan FVTPL diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih atas aset kewangan FVTPL tidak termasuk perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan FVTPL diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada kerugian yang lain atau lain-lain pendapatan.

**(ii) Pinjaman dan penghutang (LAR)**

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Untuk polisi perakaunan berkaitan hutang takaful dan aset penanggung takaful, sila rujuk kepada Nota 2.2 (n) dan 2.2 (h) masing-masing.

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan penghutang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pinjaman dan penghutang tidak lagi diiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan.

**(iii) Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")**

Aset kewangan AFS adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kedua-dua kategori sebelumnya.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan AFS diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan yang komprehensif kecuali untuk kerugian penurunan nilai, keuntungan dan kerugian keatas instrumen kewangan dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pertukaran asing. Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian sebagai penyesuaian pengelasan semula apabila aset kewangan tidak diiktiraf.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(d) Pelaburan dan aset kewangan (Samb)**

**(iii) Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS") (samb)**

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan sewajarnya adalah diukur pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai dari aset tersebut telah tamat. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan diantara amaun dibawa dan jumlah wang balasan yang diterima dan apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Pembelian cara biasa atau jualan pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang ditubuhkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran berkenaan. Semua pembelian cara biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf atau tidak lagi diiktiraf pada tarikh perdagangan iaitu tarikh bahawa Syarikat/dana takaful berjanji untuk membeli atau menjual aset.

**(e) Nilai saksama Aset Kewangan pada FVTPL dan AFS**

Nilai saksama aset kewangan yang secara aktif didagangkan dalam pasaran kewangan terancang ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran disebut harga bagi aset pada penutupan perniagaan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Bagi aset kewangan dalam unit disebut harga dan amanah pelaburan harta tanah, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga yang disiarkan. Pelaburan dalam ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan betul akan dinyatakan pada kos.

Bagi instrumen kewangan di mana tidak ada pasaran aktif seperti sekuriti pendapatan tetap tidak disebut harga iaitu bon tidak disebut harga, MGS, GII, bon dijamin Kerajaan, bon Khazanah, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga bida indikatif yang diperoleh daripada Bondweb. Nilai saksama deposit berstruktur adalah berdasarkan harga pasaran terkini yang diperoleh daripada pembuat terbitan masing-masing. Nilai pasaran NICD ditentukan dengan merujuk kepada Swap Kadar Faedah BNM. Dalam hal bon dimungkiri atau teruk, akan terdapat penilaian dalaman yang akan dilakukan untuk menentukan nilai saksama bon.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(e) Nilai saksama Aset Kewangan pada FVTPL dan AFS (samb)**

Nilai saksama kadar terapung dan deposit semalam dengan institusi kewangan adalah nilai dibawanya. Nilai dibawanya adalah kos deposit/penempatan.

Sekiranya nilai saksama tidak boleh diukur dengan betul, instrumen kewangan ini diukur pada kos, merupakan nilai saksama balasan dibayar bagi pembelian instrumen atau jumlah diterima semasa menerbitkan liabiliti kewangan. Semua kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung kepada pembelian juga dimasukkan dalam kos pelaburan.

**(f) Kerosotan nilai aset kewangan**

Syarikat menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah rosot nilai.

**(i) Penghutang takaful**

Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian kerosotan nilai ke atas penghutang takaful telah ditanggung, Syarikat menimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara pembuat terbitan atau penanggung kewajipan atau kelewatan ketara dalam bayaran. Penghutang takaful yang dinilai sebagai tidak rosot nilai secara individu kemudiannya dinilai bagi kerosotan nilai atas dasar terkumpul berdasarkan ciri-ciri risiko serupa.

Bukti objektif kerosotan nilai bagi portfolio penghutang mungkin termasuk pengalaman lepas Syarikat dalam pengutipan bayaran, peningkatan dalam bilangan bayaran lewat dalam portfolio mele过si purata tempoh kredit dan perubahan boleh diperhatikan dalam keadaan ekonomi negara atau setempat yang berhubung kait dengan pemungkiran ke atas penghutang.

Sekiranya terdapat bukti objektif sedemikian telah ditanggung, jumlah kerugian kerosotan nilai diukur sebagai perbezaan di antara aman dibawa aset dan nilai semasa daripada anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset. Kemerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(f) Kerosotan nilai aset kewangan (Samb)**

**(i) Penghutang takaful (samb)**

Kerugian kerosotan nilai ke atas penghutang takaful diiktiraf sebagai pengurangan terhadap amaun dibawa jumlah penghutang tersebut melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila penghutang takaful menjadi tidak boleh dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan.

Sekiranya dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerosotan nilai diiktiraf, kerugian kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini dikeluarkan semula sehingga tahap yang amaun dibawa aset tidak melebihi kos dilunasnya pada tarikh keterbalikan. Jumlah keterbalikan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

**(ii) Aset kewangan AFS**

Kemerosotan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan ketara pembuat terbitan atau penanggung kewajipan, dan ketiadaan pasaran perdagangan aktif adalah pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa sekuriti pelaburan dikelaskan sebagai aset kewangan AFS telah rosot nilai.

Sekiranya aset kewangan AFS telah rosot nilai, jumlah terdiri daripada perbezaan di antara kosnya (tolak sebarang bayaran pokok dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, tolak sebarang kerugian kerosotan diiktiraf sebelum ini dalam keuntungan atau kerugian, dipindahkan daripada ekuiti atau dana peserta kepada keuntungan atau kerugian.

Kerugian kerosotan nilai ke atas pelaburan ekuiti AFS tidak diterbalikkan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh-tempoh berikutnya. Peningkatan dalam nilai saksama, sekiranya ada, selepas kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif. Bagi pelaburan hutang AFS, kerugian kerosotan nilai kemudianya diterbalikkan dalam keuntungan atau kerugian sekiranya peningkatan dalam nilai saksama pelaburan boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian kerosotan nilai dalam keuntungan atau kerugian.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(f) Kerosotan nilai aset kewangan (Samb)**

**(iii) Sekuriti ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos**

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa kerugian kerosotan nilai ke atas aset kewangan dinyatakan pada kos telah ditanggung, amaun dibawa akan dikurangkan nilai kepada jumlah boleh diperoleh semula. Kerugian kerosotan nilai tersebut tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh berikutnya.

**(iv) Pinjaman dan penghutang (LAR)**

LAR dirosotkan nilai dan kerugian kerosotan nilai ditanggung hanya sekiranya terdapat bukti objektif kerugian kerosotan nilai berpunca daripada berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) kerugian selepas pengiktirafan awal. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

**(g) Kerosotan aset bukan kewangan**

Syarikat menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset mungkin rosot nilai. Sekiranya mana-mana petunjuk sedemikian wujud, atau apabila penilaian kerosotan nilai tahunan bagi aset diperlukan, Syarikat membuat anggaran daripada jumlah boleh diperoleh semula aset.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali bagi aset yang dinilai semula sebelum ini di mana penilaian semula telah dimasukkan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Dalam hal ini kerosotan nilai juga diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sehingga kepada jumlah mana-mana penilaian semula sebelum ini.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian kerosotan nilai diiktiraf sebelum ini diterbalikkan hanya sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperoleh semula aset sejak kerugian kerosotan nilai terakhir diiktiraf.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(g) Kerosotan aset bukan kewangan (samb)**

Sekiranya itulah keadaannya, amaun dibawa aset ditingkatkan kepada jumlah boleh diperoleh semula, dengan syarat bahawa jumlah ini tidak melebihi amaun dibawa yang mungkin akan ditentukan (tolak pelunasan, atau susut nilai) sekiranya tiada kerugian kerosotan nilai diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun terdahulu. Keterbalikan sedemikian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset diukur pada jumlah dinilai semula, dalam hal mana keterbalikan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

**(h) Takaful Semula**

Syarikat, sebagai pengendali dana peserta, mengesid risiko takaful dalam perjalanan biasa perniagaan bagi semua perniagaannya. Pengaturan takaful semula di alir keluar tidak melepaskan Syarikat daripada obligasinya kepada peserta. Bagi kedua-dua takaful semula dialir keluar dan diambil alih, caruman, tuntutan dan bayaran manfaat atau perlu dibayar dikemukakan atas dasar kasar.

Pengaturan takaful semula, dimasuki oleh Syarikat, yang memenuhi syarat-syarat pengelasan sijil takaful sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2(h) diakaunkan sebagaimana diperhatikan di bawah. Pengaturan yang tidak memenuhi syarat-syarat pengelasan diakaunkan sebagai aset kewangan.

Aset takaful semula mewakili jumlah boleh diperoleh semula daripada pengendali-pengendali takaful semula bagi liabiliti sijil takaful yang masih belum diselesaikan pada tarikh pelaporan. Jumlah boleh diperoleh semula daripada pengendali-pengendali takaful semula diukur secara konsisten dengan jumlah yang berkaitan dengan sijil takaful mendasari dan terma-terma pengaturan takaful semula yang berkenaan.

Pada setiap tarikh pelaporan, atau dengan lebih kerap, aset takaful semula disemak bagi kerosotan nilai. Kerosotan nilai berlaku apabila terdapat bukti objektif berpunca daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset takaful semula yang Syarikat mungkin tidak menerima semua jumlah belum dijelas yang kena dibayar di bawah terma-terma sijil dan peristiwa mempunyai kesan boleh diukur dengan betul ke atas jumlah yang Syarikat akan terima daripada pengendali takaful semula. Kerugian kerosotan nilai direkodkan dalam keuntungan atau kerugian.

Aset atau liabiliti takaful semula tidak lagi diiktiraf apabila hak kontrak dilupuskan atau tamat atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak yang lain.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(i) Pengelasan produk**

Syarikat, sebagai pengendali dana peserta mengeluarkan sijil yang mengandungi risiko takaful atau kedua-dua risiko kewangan dan takaful.

Risiko kewangan adalah risiko perubahan masa hadapan yang mungkin dalam satu atau lebih kadar faedah dinyatakan, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, harga atau kadar indeks, penarafan kredit atau indeks kredit atau lain-lain angka boleh ubah, dengan syarat dalam hal angka boleh ubah bukan kewangan bahawa angka boleh ubah bukan spesifik kepada satu pihak kontrak. Risiko pengunderaitan adalah risiko selain daripada risiko kewangan.

Sijil takaful adalah sijil yang mengandungi risiko pengunderaitan ketara. Sijil takaful adalah sijil di bawah mana dana peserta telah menerima risiko ketara daripada peserta dengan bersetuju untuk memberi pampasan kepada peserta sekiranya peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dinyatakan akan menjelaskan peserta. Sebagai garis panduan am, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko pengunderaitan ketara, dengan membandingkan tuntutan dibayar dengan tuntutan perlu dibayar sekiranya peristiwa tidak berlaku. Sekiranya nisbah tuntutan dibayar melebihi tuntutan perlu dibayar sebanyak 5% atau lebih, risiko insurans diterima dianggap sebagai ketara.

Kontrak pelaburan adalah kontrak yang tidak memindahkan risiko takaful ketara.

Sebaik sahaja sijil dikelaskan sebagai sijil takaful, ia kekal sebagai sijil takaful bagi bahagian selebihnya daripada hayatnya, walaupun sekiranya risiko pengunderaitan berkurangan secara ketara dalam tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi dilupuskan atau loput. Walau bagaimanapun, kontrak pelaburan akan dikelaskan semula sebagai sijil takaful selepas permulaan sekiranya risiko takaful menjadi ketara.

Apabila kontrak takaful mengandungi kedua-dua komponen risiko kewangan dan komponen risiko pengunderaitan dan aliran tunai daripada dua komponen adalah berbeza dan boleh diukur dengan betul, jumlah asas dilerakan. Sebarang caruman berhubung dengan komponen risiko pengunderaitan yang di ambil kira atas dasar sama sebagai kontrak takaful dan elemen selebihnya diambil kira sebagai deposit melalui penyata kedudukan kewangan yang serupa dengan kontrak pelaburan.

Berdasarkan semakan pengelasan produk syarikat, semua produk termasuk dalam pengelasan kontrak takaful.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(j) Dana pemegang saham**

**Liabiliti perbelanjaan**

Liabiliti perbelanjaan dana pemegang saham terdiri daripada liabiliti perbelanjaan dana takaful am dan dana takaful keluarga yang berdasarkan anggaran dilaksanakan oleh aktuari berkelayakan. Pergerakan dalam liabiliti perbelanjaan dilepaskan sepanjang tempoh kontrak takaful semula dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

**(i) Liabiliti perbelanjaan dana takaful am**

Liabiliti perbelanjaan dilaporkan sebagai agregat lebih tinggi yuran wakalah tidak diperolehi ("UWF") dan rizab perbelanjaan tidak luput ("UER") serta peruntukan risiko margin untuk penyelewengan ketara ("PRAD") dikira pada tahap keyakinan 75% daripada jumlah tahap dana pada tarikh laporan.

**(a) Peruntukan untuk yuran wakalah tidak diperolehi ("UWF")**

UWF mewakili bahagian pendapatan yuran wakalah yang diperuntukan untuk perbelanjaan dalam menguruskan operasi pengunderitan sijil takaful am yang berkaitan dengan tempoh tidak luput sijil pada akhir jangka masa laporan. Kaedah pengiraan yang digunakan untuk UWF konsisten dengan kaedah pengiraan untuk UCR.

**(b) Rizab perbelanjaan tidak luput ("UER")**

UER merangkumi nilai anggaran terbaik rizab perbelanjaan tidak luput pada tarikh penilaian dan PRAD dikira pada tahap keyakinan 75% daripada jumlah tahap dana. Anggaran terbaik UER ditentukan berdasarkan perbelanjaan pengurusan tuntutan yang dijangka serta perbelanjaan dijangka untuk penyelenggaraan sijil risiko tidak luput. Kaedah pengiraan yang digunakan untuk liabiliti perbelanjaan PRAD adalah konsisten dengan pengiraan PRAD untuk liabiliti tuntutan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(j) Dana pemegang saham (Samb)**

**(ii) Liabiliti perbelanjaan dana takaful keluarga**

Penilaian liabiliti perbelanjaan berhubung dengan kontrak dana takaful keluarga dijalankan secara berasingan oleh Aktuari Dilantik dalam dana pemegang saham. Kaedah digunakan untuk menilai liabiliti perbelanjaan adalah selaras dengan kaedah digunakan untuk menilai liabiliti takaful bagi sijil takaful keluarga yang sepadan. Dalam menilai liabiliti perbelanjaan, nilai semasa perbelanjaan perlu dibayar pada masa hadapan dijangka melalui dana pemegang saham dalam menguruskan dana takaful bagi obligasi kontrak sepenuhnya sijil takaful tolak mana-mana aliran tunai dijangka daripada pendapatan yuran wakalah pada masa hadapan, dan mana-mana pendapatan lain yang kena dibayar kepada dana pemegang saham yang boleh ditentukan dengan kepastian munasabah, adalah diambil kira.

Liabiliti perbelanjaan diiktiraf apabila anggaran perbelanjaan masa depan melebihi pendapatan masa depan sijil takaful. Perubahan dalam liabiliti perbelanjaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

**(iii) Ujian kecukupan liabiliti**

Pada setiap akhir tahun kewangan, Syarikat menyemak semua liabiliti perbelanjaan dana pemegang saham untuk memastikan agar amaun dibawa adalah mencukupi atau cukup untuk menampung obligasi dana pemegang saham bagi semua sijil takaful yang diuruskan.

Dalam melaksanakan semakan ini, Syarikat menimbangkan semua aliran tunai kontrak dan membandingkan angka ini dengan nilai dibawa liabiliti perbelanjaan. Sebarang kekurangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Berdasarkan ini, kesemua liabiliti sijil takaful pada tarikh laporan dianggarkan tepat.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(k) Dana takaful am**

Dana takaful am diselenggarakan selaras dengan Akta Takaful 1984 dan terdiri daripada rizab AFS dan mana-mana lebihan/defisit boleh dikaitkan kepada peserta yang mewakili bahagian peserta dalam lebihan bersih dana takaful am. Sebarang defisit dalam dana takaful am akan digunakan sebaiknya oleh dana pemegang saham melalui pinjaman kebajikan atau Qardhul Hasan. Lebihan boleh diagihkan berpandukan dengan terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan oleh Jawatankuasa Shariah Syarikat.

Keputusan pengunderitan takaful am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira takaful semula, perubahan dalam liabiliti sijil takaful, yuran wakalah dan perbelanjaan pengurusan.

**(i) Pendapatan caruman**

Pendapatan caruman diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko diandaikan dalam tempoh kewangan tertentu. Caruman daripada perniagaan langsung diiktiraf dalam tempoh kewangan selepas pengeluaran nota debit. Caruman berhubung dengan risiko dimulakan untuk yang mana nota debit tidak dikeluarkan setakat tarikh pelaporan diakrukan pada tarikh tersebut.

Caruman takaful semula triti alir masuk diiktiraf atas dasar nasihat berkala diterima daripada pengendali-pengendali takaful mengesid. Caruman takaful semula fakultatif alir masuk diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko-risiko fakultatif diterima dalam tempoh kewangan tertentu sebagaimana dalam hal dasar-dasar langsung, berikutan dengan tarikh permulaan risiko individu.

Caruman takaful semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh kewangan yang sama seperti mana sijil asal kepada yang mana takaful semula berkait.

**(ii) Liabiliti caruman**

Liabiliti caruman mewakili obligasi masa hadapan dana ke atas sijil takaful sebagaimana diwakili oleh caruman yang diterima bagi risiko-risiko yang masih belum luput. Pergerakan dalam liabiliti caruman dilepaskan sepanjang tempoh sijil takaful dan diiktiraf sebagai pendapatan caruman.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(k) Dana takaful am (Samb)**

**(ii) Liabiliti caruman (samb)**

Liabiliti caruman dilaporkan pada agregat lebih tinggi daripada rizab caruman tidak terperoleh ("UCR") bagi semua jenis perniagaan atau nilai anggaran terbaik rizab risiko tidak luput dana ("URR") pada Tahap Keyakinan 75% pada akhir tahun kewangan.

**(a) Rizab Caruman Tidak Terperoleh (UCR)**

UCR mewakili bahagian daripada caruman kasar Sijil Takaful dinyatakan tolak caruman takaful semula berkaitan disid kepada syarikat takaful semula berkelayakan yang berkait dengan tempoh tidak luput sijil pada tarikh laporan.

Mudharabah

UCR jangka pendek mewakili bahagian daripada pendapatan caruman bersih daripada sijil takaful dinyatakan yang berkait dengan tempoh tidak luput sijil tidak melebihi satu tahun, pada tarikh laporan.

Dalam menentukan UCR jangka pendek pada tarikh laporan, kaedah yang paling tepat untuk menunjukkan caruman tidak terperoleh sebenar digunakan seperti berikut:

- kaedah terperoleh atas kematangan bagi perniagaan bon;
- kaedah 25% bagi perniagaan kargo marin dan penerbangan dan transit; dan
- kaedah  $1/365$  bagi semua kelas perniagaan am lain, dikurangkan melalui peratusan sepadan komisen perniagaan langsung kasar kepada caruman sepadan, tidak melebihi had dinyatakan oleh BNM seperti berikut:

Kenderaan dan bon	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan marin badan kapal	15%
Pampasan pekerja dan liabiliti majikan:	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Lain-lain kelas	25%

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(k) Dana takaful am (Samb)**

**(ii) Liabiliti caruman (Samb)**

**(a) Rizab Caruman Tidak Terperoleh (samb.)**

UCR jangka panjang mewakili bahagian daripada pendapatan caruman bersih daripada sijil takaful dengan tempoh melebihi satu tahun, yang berkait dengan tempoh tidak luput sijil pada akhir tahun kewangan. Pendapatan caruman terperoleh diiktiraf atas dasar pengagihan masa sepanjang tempoh sijil.

**Wakalah**

UCR bagi perniagaan wakalah dikira atas pendapatan caruman bersih dengan penolakan selanjutnya bagi perbelanjaan yuran wakalah untuk menunjukkan prinsip perniagaan wakalah. Kaedah digunakan untuk mengira UCR adalah serupa dengan yang digunakan bagi perniagaan mudharabah. Tiada penolakan selanjutnya bagi perbelanjaan komisen dibuat memandangkan perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana pemegang saham.

**(b) Rizab Risiko Tidak Luput (URR)**

URR adalah anggaran prospektif bayaran masa hadapan dijangka timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah sijil yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan dan juga termasuk peruntukan bagi perbelanjaan, termasuk overhed dan kos takaful semula, dijangka akan ditanggung dalam tempoh tidak luput dalam mentadbir sijil ini dan menyelesaikan tuntutan berkenaan, dan pulangan caruman masa hadapan dijangka.

URR dianggarkan melalui penilaian aktuari dijalankan oleh aktuari berkelayakan.

**(iii) Liabiliti Tuntutan**

Liabiliti tuntutan mewakili obligasi Syarikat, sama ada mengikut kontrak atau sebaliknya, untuk membuat bayaran masa hadapan pasti berhubung dengan semua tuntutan yang telah ditanggung pada tarikh laporan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(k) Dana takaful am (Samb)**

**(iii) Liabiliti Tuntutan (samb)**

Liabiliti tuntutan adalah anggaran kos semua tuntutan ditanggung tetapi tidak dijelaskan pada tarikh pelaporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama dengan kos pengendalian tuntutan berkaitan dan lain-lain pemerolehan semula.

Liabiliti tuntutan terdiri daripada liabiliti bagi tuntutan yang dilaporkan, liabiliti untuk tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") dan PRAD dikira pada kadar melebihi tahap keyakinan 75% pada dana keseluruhan.

Liabiliti bagi tuntutan belum jelas diiktiraf apabila diberi notis oleh peserta. Tuntutan IBNR dianggarkan melalui penilaian aktuari dilaksanakan oleh aktuari berkelayakan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik, antara lainnya, corak perkembangan tuntutan sebenar. Liabiliti tidak didiskaun untuk nilai masa wang.

**(iv) Ujian kecukupan liabiliti**

Pada setiap tarikh pelaporan, Dana menyemak semua liabiliti sijil takaful untuk memastikan agar amaun dibawa liabiliti mencukupi atau cukup untuk menampung obligasi Dana, mengikut kontrak atau sebaliknya, berhubung dengan sijil takaful yang dikeluarkan. Dalam melaksanakan semakan ini, Dana menganggarkan semua aliran tunai kontrak dan membandingkan angka ini terhadap nilai dibawa liabiliti sijil takaful. Sebarang pengurangan diiktiraf dalam pernyata pendapatan.

Anggaran liabiliti tuntutan dan liabiliti caruman dilaksanakan pada tarikh pelaporan adalah sebahagian daripada ujian kecukupan liabiliti yang dilaksanakan oleh Dana. Berdasarkan keadaan ini, semua liabiliti sijil takaful pada tarikh pelaporan dianggap sebagai mencukupi.

**(v) Perbelanjaan tuntutan**

Perbelanjaan tuntutan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sebagaimana ditanggung berdasarkan anggaran liabiliti bagi pampasan yang terhutang kepada pemegang-pemegang sijil atau pihak ketiga yang dirosakkan oleh pemegang-pemegang sijil. Ia termasuk tuntutan langsung dan tidak langsung, kos penyelesaian dan timbul daripada peristiwa yang berlaku sehingga akhir tempoh pelaporan walaupun ia masih belum dilaporkan kepada syarikat.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(k) Dana takaful am (Samb)**

**(vi) Perbelanjaan komisen/kos pembelian**

Perbelanjaan komisen tolak pendapatan diperoleh daripada takaful semula, yang merupakan kos secara langsung ditanggung dalam mendapatkan caruman ke atas sijil takaful tolak pendapatan diperoleh daripada caruman takaful semula disid, diiktiraf sebagaimana ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh-tempoh dalam mana ia berkemungkinan membawa kepada pendapatan.

Di bawah prinsip Mudharabah, perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana takaful am dengan lebihan/deficit pengunderaitan terhasil selepas perbelanjaan dikongsi di antara Syarikat dan peserta sebagaimana dinasihatkan oleh Jawatankuasa Shariah.

Di bawah prinsip Wakalah, perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana pemegang saham pada peratusan dipersetujui daripada caruman kasar. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah sebagaimana diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah dan dipersetujui di antara peserta dan Syarikat.

**(I) Dana takaful keluarga**

Dana takaful keluarga diselenggarakan selaras dengan keperluan Akta Takaful 1984 dan termasuk jumlah boleh dikaitkan kepada peserta dan rizab AFS.

Lebihan atau deficit dana takaful keluarga ditentukan melalui penilaian aktuari tahunan dana takaful keluarga. Lebihan boleh diagihkan kepada peserta ditentukan selepas menolak takaful semula, tuntutan/manfaat dibayar dan perlu dibayar, perbelanjaan, peruntukan dan rizab dan boleh diagihkan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan oleh Jawatankuasa Shariah.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(I) Dana takaful keluarga (Samb)**

**(i) Pendapatan caruman**

Caruman diiktiraf sebaik sahaja jumlah caruman boleh diukur dengan betul selaras dengan prinsip-prinsip Shariah sebagaimana dinasihatkan oleh Jawatankuasa Shariah. Caruman awal diiktiraf daripada tarikh permulaan dan caruman berikutnya diiktiraf pada tarikh tamat tempoh.

Pada akhir tempoh kewangan, semua caruman kena dibayar diakaunkan sehingga tahap yang ia boleh diukur dengan betul.

Caruman takaful semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh kewangan yang sama dengan sijil asal kepada yang mana takaful semula berkait.

**(ii) Liabiliti tuntutan**

Kos tuntutan dan penyelesaian yang ditanggung dalam tempoh kewangan diiktiraf apabila peristiwa boleh dibuat tuntutan berlaku dan/atau Syarikat dimaklumkan.

Pemerolehan semula ke atas tuntutan takaful semula diakaunkan dalam tempoh kewangan yang sama dengan tuntutan asal diiktiraf.

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan timbul ke atas sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian, tolak pemerolehan takaful semula, diakaunkan dengan menggunakan kaedah asas kes, dan untuk tujuan ini, manfaat perlu dibayar di bawah sijil takaful keluarga diiktiraf seperti berikut:

- kematangan atau lain-lain bayaran manfaat sijil yang kena dibayar pada tarikh dinyatakan dianggap sebagai tuntutan perlu dibayar pada tarikh kena dibayar; dan
- manfaat kematian, serahan dan lain-lain manfaat tanpa tarikh kena dibayar dianggap sebagai tuntutan perlu dibayar, pada tarikh penerimaan pemberitahuan kematian orang yang diinsuranskan atau berlakunya kontigensi yang dilindungi.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(I) Dana takaful keluarga (Samb)**

**(iii) Pembentukan/pembatalan unit**

Pembentukan unit bersih yang mewakili caruman dibayar oleh peserta atau pemegang-pemegang unit sebagai bayaran bagi sijil baru atau bayaran berikutnya untuk meningkatkan jumlah sijil tersebut yang ditunjukkan dalam penyata pendapatan dana berkait pelaburan. Pembentukan bersih unit diiktiraf atas dasar penerimaan.

Pembentukan/pembatalan unit diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tarikh penilaian akan datang, selepas permintaan untuk membeli/menjual unit diterima daripada peserta atau pemegang-pemegang unit.

**(iv) Perbelanjaan komisen/kos pembelian**

Perbelanjaan komisen, yang adalah kos secara langsung ditanggung dalam mendapatkan caruman ke atas sijil takaful, tolak pendapatan diperoleh daripada caruman takaful semula di alir keluar, diiktiraf sebagaimana ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh dalam mana ia berkemungkinan bahawa ia membawa kepada pendapatan.

Di bawah prinsip mudharabah, perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana takaful keluarga dengan lebihan/defisit pengunderitan terhasil selepas perbelanjaan dikongsi di antara Syarikat dan peserta sebagaimana dinasihatkan oleh Jawatankuasa Shariah.

Di bawah prinsip wakalah, perbelanjaan komisen ditanggung melalui dana pemegang-pemegang saham pada peratusan dipersetujui daripada caruman kasar. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip wakalah sebagaimana diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah dan dipersetujui di antara peserta dan Syarikat.

**(v) Liabiliti sijil takaful keluarga**

Liabiliti sijil takaful keluarga diiktiraf apabila sijil berkuat kuasa dan caruman dicajkan.

Liabiliti sijil takaful keluarga tidak lagi diiktiraf apabila sijil luput, dilepaskan atau dibatalkan. Pada setiap tarikh pelaporan, penilaian dibuat sama ada liabiliti sijil takaful keluarga adalah mencukupi dengan menggunakan ujian kecukupan liabiliti sedia ada.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(I) Dana takaful keluarga (Samb)**

**(v) Liabiliti sijil takaful keluarga (Samb)**

Liabiliti perniagaan takaful keluarga ditentukan mengikut garis panduan penilaian untuk pengendali takaful diluluskan oleh BNM. Ke semua liabiliti takaful dinilai mengikut penilaian aktuari prospektif ke atas jumlah nilai terkini faedah masa depan dan perbelanjaan ditolak pertimbangan kasar masa depan yang timbul daripada kadar diskaun risiko. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah penilaian kasar.

Untuk dana risiko perniagaan takaful keluarga, faedah anggaran aliran tunai masa depan ditentukan mengikut anggaran terbaik mengikut peruntukan sesuai untuk PRAD daripada pengalaman dijangkakan seperti tahap kecukupan keseluruhan rizab sijil pada 75% tahap keyakinan dicagar. Untuk perniagaan berkait-pelaburan, nilai dana dianggap sebagai liabiliti.

Liabiliti berkenaan komponen bukan unit sijil berkait-pelaburan telah dinilai pada kadar diskaun bebas risiko dengan meramal aliran tunai masa depan untuk memastikan semua aliran keluar masa depan dapat dipenuhi pada tahap produk tanpa bantuan kewangan tambahan atau sumbangan modal pada masa depan semasa tempoh sijil berkait-pelaburan. Nilai komponen unit adalah nilai aset bersih dana.

Untuk setahun sijil keluarga atau lanjutan setahun untuk sijil keluarga meliputi keluarjangkaan bukan hayat atau penakatan, liabiliti untuk sijil takaful keluarga seperti ini merangkumi caruman dan liabiliti tuntutan dengan peruntukan sesuai untuk PRAD dari pengalaman dijangkakan.

Pelarasian kepada liabiliti pada setiap tarikh laporan dicatatkan dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan yang timbul dari margin penyelewengan ketara pada sijil terus tanggung diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tempoh sijil, kerugian pula diiktiraf sepenuhnya dalam keuntungan atau kerugian semasa tahun pertama terus tanggung.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(m) Pengukuran dan kerosotan nilai Qardhul Hasan**

Jika sekiranya aset dana takaful adalah tidak mencukupi untuk memenuhi liabiliti, Pemegang-pemegang Saham akan membetulkan defisit dana takaful melalui Qardhul Hasan ("Qard"), yang merupakan pinjaman tanpa faedah. Qard hendaklah dibayar balik daripada lebihan masa hadapan dana takaful yang terlibat. Dalam dana Pemegang-pemegang Saham, Qard dinyatakan pada kos tolak sebarang kerugian kerosotan nilai sekiranya ada, manakala dalam dana takaful, Qard dinyatakan pada kos.

Pengawasan dan pengukuran dilakukan atas dasar tahunan ke atas kedudukan Qard dan keupayaan dana yang terlibat untuk menghasilkan dana mencukupi untuk membayar balik kepada Pemegang-pemegang Saham. Kemungkinan Qard akan dibayar balik dan untuk memastikan tempoh masa yang diperlukan dan aliran tunai diunjurkan yang mengambil kira pengalaman lepas dana. Aliran tunai diunjurkan kemudiannya didiskaunkan untuk digunakan dalam menentukan nilai pemerolehan kembali Qard.

Sekiranya Qard telah rosot nilai, jumlah terdiri daripada perbezaan di antara kos dan jumlah boleh diperoleh semulanya, tolak sebarang kerugian kerosotan nilai yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan, diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian kerosotan nilai kemudiannya diterbalikkan dalam penyata pendapatan sekiranya ia terbukti bahawa Qard tidak lagi rosot nilai.

**(n) Penghutang takaful**

Penghutang takaful diiktiraf apabila kena dibayar dan diukur atas pengiktirafan awal pada nilai saksama balasan diterima atau boleh diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang takaful diukur pada kos dilunaskan, dengan menggunakan kaedah hasil berkesan.

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa penghutang takaful adalah rosot nilai, Syarikat mengurangkan amaun dibawa penghutang takaful selaras dengan itu dan mengiktiraf kerugian kerosotan nilai tersebut dalam keuntungan atau kerugian. Bukti objektif kemerosotan bagi penghutang takaful dan penentuan kerugian kemerosotan berbangkit seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2(d) telah dipenuhi.

Penghutang sijil takaful tidak lagi diiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan, sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 (d), telah dipenuhi.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(o) Tunai dan Setara Tunai**

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap di institusi kewangan berlesen.

**(p) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung dengan keuntungan boleh dicukai dan lebihan bagi tahun kewangan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun dibawanya dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum digunakan setakat tahap dimana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam pendapatan komprehensif.

**(q) Zakat**

Zakat mewakili zakat perlu dibayar oleh Syarikat untuk mematuhi prinsip-prinsip Shariah. Zakat dikira berdasarkan Kaedah Modal Kerja pada 2.5% daripada aset bersih Syarikat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Shariah.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(r) Pembiayaan takaful**

Pembiayaan takaful diiktiraf apabila kena dibayar dan diukur atas pengiktirafan awal pada nilai saksama balasan diterima tolak kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung. Selepas pengiktirafan awal, ia diukur pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

**(s) Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut isi pengaturan sijil ditandatangani dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat dan/atau dana-dana takaful menjadi pihak kepada peruntukan sijil instrumen kewangan. Liabiliti kewangan dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan pada FVTPL atau lain-lain liabiliti kewangan.

Dalam tahun kewangan dan pada tarikh pelaporan, Syarikat dan dana-dana takaful tidak mengelaskan mana-mana daripada liabiliti kewangannya pada FVTPL.

Liabiliti kewangan lain dana takaful dan Syarikat termasuk pembiayaan takaful diiktiraf pada nilai saksama dan kos transaksi diagihkan secara langsung dan dikira seterusnya pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi lain-lain liabiliti kewangan, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh liabiliti kewangan yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma-terma yang sebahagian besarnya adalah berbeza, atau terma-terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubah suai, pertukaran atau ubah suaian tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(t) Manfaat Kakitangan**

**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial (“SOCSO”) diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Syarikat. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan pada masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Pelan Caruman Dinyatakan**

Pelan caruman dinyatakan adalah pelan manfaat kakitangan selepas perkhidmatan di mana Syarikat membayar caruman tetap ke dalam dana berasingan dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya mana-mana daripada dana tidak memegang dana yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, Syarikat membuat caruman tertentu kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sebagaimana ditanggung.

**(iii) Pampasan berdasarkan Saham**

- **ESS**

ESS adalah pelan pampasan berdasarkan saham ditetapkan ekuiti yang membenarkan Para Pengarah dan pekerja Syarikat membeli saham MBB. Jumlah nilai saksama opsyen saham diberikan kepada pekerja-pekerja diiktiraf sebagai kos pekerja yang dikenakan oleh MBB sepanjang tempoh letak hak dan mengambil kira kemungkinan bahawa pilihan akan terletak hak. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh pemberian, dengan mengambilkira, jika ada, pasaran peletakan syarat-syarat yang diberikan tetapi tidak termasuk kesan sebarang keadaan letak hak bukan pasaran. Keadaan luar pasaran termasuk dalam andaian tentang bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh letak hak.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(t) Manfaat jangka pendek (Samb)**

**(iii) Pampasan berdasarkan Saham (Samb)**

- ESS (samb)

Pada setiap tarikh laporan, MBB menyemak semula anggaran bilangan opsyen yang akan dilaksanakan pada jangka masa letak hak.

- Unit Saham Terhad ("RSU")

Kakitangan pengurusan kanan syarikat induk berhak kepada saham terhad berdasarkan prestasi sebagai balasan untuk perkhidmatan mereka. RSU boleh diselesaikan melalui terbitan atau pemindahan saham baru syarikat induk atau tunai mengikut budi bicara Jawatankuasa ESS.

Jumlah nilai saksama RSU diberikan kepada kakitangan pengurusan kanan diiktiraf sebagai kos pekerja dengan peningkatan selari dalam rizab merangkumi ekuiti syarikat induk sepanjang tempoh letak hak dan mengambil kira kemungkinan bahawa RSU akan terletak hak. Nilai saksama RSU diukur pada tarikh pemberian, dengan mengambilkira pasaran peletakhkan syarat-syarat RSU diberikan tetapi tidak termasuk kesan sebarang keadaan letak hak bukan pasaran. Keadaan luar pasaran termasuk dalam andaian tentang bilangan saham yang dijangka akan diberikan pada tarikh letak hak.

Penyelesaian dengan syarikat induk muktamad berhubung dengan pengaturan skim adalah secara tunai sepanjang tempoh perletakan.

**(u) Urus niaga mata wang asing**

Dalam menyediakan penyata kewangan entiti individu, urus niaga dalam mata wang selain daripada mata wang kefungsian entiti ("mata wang asing") direkodkan dalam mata wang kefungsian dengan menggunakan kadar pertukaran yang wujud pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh pelaporan, perkara monetari didenominasikan dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar yang terdapat pada tarikh pelaporan. Perkara bukan monetari dinyatakan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing diterjemahkan pada kadar yang terdapat pada tarikh apabila nilai saksama telah ditentukan. Perkara bukan monetari diukur dari segi kos sejarah dalam mata wang asing tidak diterjemahkan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(u) Urus niaga mata wang asing (samb)**

Perbezaan pertukaran timbul atas penyelesaian perkara monetari, dan atas terjemahan perkara monetari, dimasukkan dalam penyata pendapatan bagi tempoh kewangan semasa.

Perbezaan pertukaran timbul atas terjemahan perkara bukan monetari dinyatakan pada nilai saksama dimasukkan dalam penyata pendapatan dan/atau lain-lain pendapatan komprehensif bagi tempoh kecuali bagi perbezaan-perbezaan yang timbul atas terjemahan perkara bukan monetari berhubung dengan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran timbul daripada perkara bukan monetari tersebut juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

**(v) Lain-lain pengiktirafan hasil**

Hasil diiktiraf apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada Syarikat dan/atau dana takaful, dan jumlah hasil boleh diukur dengan betul.

**(i) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar diisyiharkan apabila hak Syarikat dan/atau dana takaful untuk menerima bayaran dibuktikan.

**(ii) Pendapatan keuntungan**

Pendapatan keuntungan diiktiraf dengan menggunakan kaedah hasil berkesan.

**(iii) Yuran Wakalah**

Yuran Wakalah mewakili yuran dikenakan oleh dana pemegang saham untuk menguruskan sijil yang dikeluarkan oleh dana takaful am dan keluarga di bawah prinsip Wakalah dan diiktiraf secepat yang mungkin sebagai caruman kepada yang mana ia boleh diukur dengan betul selaras dengan prinsip-prinsip Shariah.

**(iv) Yuran Pengurusan Dana**

Yuran pengurusan dana diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb)**

**(w) Pendapatan yuran dan komisen**

Peserta dicaj bagi perkhidmatan pentadbiran polisi, serahan dan lain-lain yuran sijil. Yuran ini diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Sekiranya yuran adalah bagi perkhidmatan untuk disediakan dalam tempoh-tempoh pada masa hadapan, yuran ini ditunda dan diiktiraf sepanjang tempoh kewangan pada masa hadapan tersebut.

Pendapatan yuran pengurusan diperoleh daripada perniagaan berkait pelaburan diiktiraf atas dasar akruan berdasarkan peratusan nilai aset bersih dana berkait pelaburan.

**(x) Instrumen ekuiti**

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf dan diakaunkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh dalam mana ia diisyiharkan.

**2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula.**

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Syarikat adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali penggunaan FRS baru, Pindaan kepada FRS, Jawatankuasa Terbitan ("IC") Interpretasi dan Keluaran Teknikal:

Pindaan kepada FRS 1 Pengecualian Terhad dari Perbandingan FRS 7

*Pendedahan dan Pengecualian Tambahan Untuk Pengguna Pertama*

Pindaan kepada FRS 2 Penyelesaian Tunai Kumpulan Bayaran Berasaskan Saham

Pindaan kepada FRS 5 Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Jualan dan Dihentikan Operasi

Pindaan kepada FRS 7 Peningkatan Pendedahan Bagi Instrumen Kewangan

IC Interpretasi 4 Menentukan Perjanjian Mengandungi Pajakan

IC Interpretasi 18 Pemindahan Aset dari Pelanggan

IC Interpretasi 19 Melupuskan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti

Pindaan kepada IC Interpretasi 14 Prabayaran untuk Keperluan Pembiayaan Minimum

TR i-4 sijil Jualan Patuh Shariah

Pindaan kepada FRS dalam dokumen bertajuk 'Peningkatan kepada FRS (2010)'

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula. (Samb)**

Penggunaan FRS baru dan disemak semula yang diatas, Pindaan kepada FRS, Pindaan kepada Interpretasi IC dan Keluaran Teknikal tidak mempunyai apa-apa kesan yang ketara keatas prestasi kewangan atau kedudukan Syarikat kecuali bagi yang dibincangkan di bawah:

**(a) Pindaan kepada FRS 7; Peningkatkan Pendedahan Instrumen Kewangan**

Pendedahan nilai saksama dan pencairan telah meningkat setelah pindaan ini dilaksanakan. Terutamanya instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama didedahkan mengikut kelas dalam tiga peringkat nilai saksama mengikut hierarki pengukuran serta pendedahan terperinci pada tahap tiga hierarki nilai saksama. Pendedahan pencairan yang tertentu juga diubahsuai. Penggunaan pindaan ini telah memberikan pendedahan tambahan yang berkaitan dengan nilai saksama instrumen kewangan Syarikat. Ia tidak mempunyai sebarang kesan kewangan kepada Syarikat.

**(b) Pindaan kepada FRS di dalam dokumen bertajuk Peningkatan kepada FRS (2010)**

Pindaan ini secara utamanya memberi garispanduan, penjelasan kata-kata dan mengeluarkan sebarang ketidakseragaman dalam FRS yang sedia ada. Penggunaan pindaan ini tidak menimbulkan kesan kewangan ke atas Syarikat.

**(c) Penggunaan Garis Panduan BNM**

Pada 22 Disember 2010, BNM telah menetapkan beberapa Garis Panduan baru mandatori untuk semua pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 dan efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011. Seterusnya Garis Panduan ini digunakan oleh Syarikat pada permulaan tempoh kewangan bermula 1 Julai 2011:

**(i) Garis Panduan Laporan Kewangan untuk Pengendali Takaful**

Garis Panduan mengutamakan keperluan pendedahan minimum untuk penyata kewangan pengendali takaful termasuk keperluan untuk membentangkan penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan nota-nota penjelasan dana yang berkaitan. Tambahan, Garis Panduan juga memerlukan pengendali takaful memastikan bahawa jumlah asset agregat dan jumlah liabiliti yang dibentangkan dalam kedudukan kewangan Syarikat adalah bersih dari Qard.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula. (Samb)**

**(c) Penggunaan Garis Panduan BNM (Samb)**

**(i) Garis Panduan Laporan Kewangan untuk Pengendali Takaful (samb)**

Keperluan pendedahan utama Garis Panduan ini sudahpun dipertimbangkan dan dikuatkuasakan semenjak tahun kewangan berakhir sebelum ini pada 30 Jun 2011. Tiada kesan ketara ke atas penyata kewangan dengan penggunaan penuhnya Garis Panduan ini pada tempoh ini.

**(ii) Garis Panduan untuk Asas Penilaian Liabiliti Perniagaan Takaful Am**

Garis Panduan ini memerlukan ke semua pengendali takaful untuk mengukur liabiliti tuntutannya pada 75% tahap kecukupan pada tahap dana sepenuhnya. Tambahan ia menentukan liabiliti caruman pengendali takaful seharusnya lebih tinggi agregat daripada rizab sumbangan tidak diperolehi (“UCR”) atau rizab risiko belum luput (“URR”) dan PRAD pada tahap keyakinan 75%, dikira pada tahap dana sepenuhnya. Sejajar dengan penggunaan FRS 4, preskripsi Garis Panduan seiring dengan penetapan liabiliti tuntutan dan sumbangan telah digunakan dan dipatuhi semenjak tahun kewangan berakhir sebelum ini pada 30 Jun 2011.

Garis Panduan ini juga menentukan ukuran liabiliti perbelanjaan Syarikat yang perlu diukur pada agregat tertinggi peruntukan untuk yuran wakalah tidak diperolehi (“UWF”) atau rizab perbelanjaan belum luput (“UER”) dan PRAD pada tahap keyakinan 75%, dikira pada tahap dana sepenuhnya. Perubahan ini telah dikira sebagai penukaran dalam polisi perakaunan dan kesan perubahan ini telah dikira secara retrospektif. Pelarasan berkaitan yang dibuat kepada rizab dibawa ke depan dan keputusan tahun sebelum dinyatakan di Nota 2.5.

**(iii) Garis Panduan untuk Asas Penilaian Liabiliti Perniagaan Takaful Keluarga**

Garis Panduan ini menetapkan penilaian asas untuk liabiliti perniagaan takaful keluarga. Di antara syaratnya adalah perlunya liabiliti penilaian sijil takaful keluarga berasaskan kaedah penilaian sumbangan kasar seperti dibincangkan pada Nota 2.2 (I)(v).

Perubahan ini dicerminkan sebagai penukaran dalam polisi perakaunan kerana ianya memberi kesan terhadap pengukuran liabiliti sijil takaful keluarga. Oleh itu kesan perubahan telah dilaraskan secara retrospektif dan pelarasan berkaitan yang dibuat kepada rizab dibawa ke depan dan keputusan tahun sebelum dinyatakan di Nota 2.5.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula. (Samb)**

**(d) Pelarasan tahun lepas**

Terdapat beberapa perbezaan antara lejar subsidiari dan rekod-rekod perakaunan tahun kewangan sebelumnya. Perbezaan ini tidak dapat diselaraskan sehingga kini memandangkan tidak terdapat bukti yang cukup dan sesuai untuk menyokong perbezaan tersebut. Dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan Syarikat telah berusaha dengan gigih dan mengambil langkah-langkah berikut dan membuat pelarasan seperti berikut:

**(i) Komisen Kumpulan terlebih-akru**

Dalam tahun semasa, di atas usaha pihak pengurusan untuk mengesahkan item yang sesuai, komisen kumpulan terlebih akru bagi Kumpulan Takaful Keluarga, telah diterbalikkan. Komisen tersebut telah di akrukan pada tahun kewangan sebelumnya tetapi telah dibayar, oleh itu tiada lagi liabiliti dana pada tarikh laporan. Kesan kebalikan ini telah diselaraskan secara retrospektif dan pelarasan yang sesuai dibuat kepada rizab yang dibawa ke hadapan dan keputusan tahun lepas adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5.

**(ii) Kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama**

Dalam tahun kewangan sebelumnya, terdapat perbezaan antara lejar subsidiari pemulihan tuntutan tertunggak takaful bersama dan rekod-rekod perakaunan yang berkaitan. Perbezaan ini tidak diselaraskan, sementara menunggu penerimaan maklumat sokongan yang mencukupi.

Dalam tempoh kewangan semasa, walaupun terdapat usaha-usaha pihak pengurusan, maklumat yang diperlukan bagi mengukuhkan perbezaan tidak boleh diperolehi. Sehubungan itu, pihak pengurusan telah memutuskan untuk menjelaskan pemulihan tuntutan tertunggak takaful bersama. Disebabkan materialiti jumlah yang terlibat, kemerosotan nilai telah diselaraskan secara retrospektif selaras dengan keperluan FRS 108 Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan. Kesan kemerosotan nilai dan pelarasan yang sesuai dibuat kepada rizab yang dibawa ke hadapan dan keputusan tahun lepas adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan dan kesan dari penerimaan FRS yang baru dan yang disemak semula. (Samb)**

**(e) Perubahan lain dalam dasar perakaunan**

**(i) Pertukaran aset kewangan sedia untuk jualan ("AFS") kepada aset kewangan nilai saksama melalui untung rugi ("FVTPL")**

Selaras dengan perubahan dalam kaedah penilaian liabiliti keluarga sijil takaful kepada kaedah penilaian sumbangan kasar, pihak pengurusan telah menukar aset kewangan tertentu dari AFS ke FVTPL seperti yang dibenarkan di bawah perenggan 45 daripada FRS 4 Kontrak Insurans.

Pihak pengurusan adalah berpendapat bahawa penukaran aset kewangan AFS ke FVTPL akan mengurangkan ketidakpadanan aset-liabiliti ke atas pendapatan akibat pergerakan kadar keuntungan melalui keluk kadar hasil pasaran yang digunakan untuk mendiskaun liabiliti aktuari dana takaful keluarga.

Selaras dengan keperluan FRS 4, pertukaran ini dianggap perubahan dalam polisi perakaunan telah diambilkira secara retrospektif. Pelarasan yang sesuai dibuat kepada rizab yang dibawa ke hadapan dan keputusan tahun lepas adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5.

**(ii) Peruntukan am untuk pengurangan nilai pelaburan**

Pada tahun-tahun sebelumnya, peruntukan tahunan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan disebut harga telah dibuat dalam dana takaful, dikira atas dasar 8% daripada lebihan dana takaful am dan keluarga yang boleh diagihkan kepada peserta dan pengendali takaful. Peruntukan am bagi pengurangan dalam nilai pelaburan ini telah dibuat selaras dengan garis panduan BNM. Peruntukan tahunan ini telah dicaj kepada penyata pendapatan dana takaful masing-masing.

Amalan membuat peruntukan am untuk pengurangan nilai telah berhenti pada tahun 2005, seperti yang diarahkan oleh BNM. Baki peruntukan yang tinggal telah dikekalkan dalam dana takaful am dan dana takaful keluarga sebanyak RM8.7 juta dan RM45.8 juta masing-masing dibawa ke penyata kedudukan kewangan dana takaful, sementara menunggu arahan selanjutnya daripada BNM.

Pada 10 Oktober 2011, BNM telah memberikan kelulusan kepada Syarikat untuk membalikkan peruntukan am untuk pengurangan tersebut. Pembalikan peruntukan ini adalah perubahan dalam asas pengukuran nilai dibawa pelaburan dan sewajarnya, telah diambilkira secara retrospektif. Pelarasan kepada rizab yang dibawa ke hadapan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.5.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.4 Perubahan dalam Dasar Perakaunan**

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") telah menerbitkan dasar perakaunan baru diluluskan MASB, Laporan Piawaian Kewangan Malaysia ("Rangka Kerja MFRS").

Syarikat perlu membentangkan kenyataan kewangan menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam pembentangan kenyataan kewangan pertama MFRS untuk tahun berakhir 31 Disember 2012. Dalam pembentangan kenyataan kewangan pertama MFRS, Syarikat perlu membentangkan semula kenyataan kewangan perbandingan untuk mencerminkan aplikasi Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan ke atas peralihan akan dibuat secara retrospektif, terhadap keuntungan tertahan pembukaan.

Walau apapun penggunaan Rangka Kerja MFRS tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat.

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan**

Jadual berikut mengemukakan perubahan kepada perkara penyata kedudukan kewangan berkaitan, baki timbul daripada perubahan dalam dasar perakaunan dan lain-lain diselaraskan retrospektif seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3. Pelarasan kepada amaun dibawa perkara yang terlibat telah diakaunkan secara retrospektif pada 1 Julai 2010 dan 30 Jun 2011 dan diselaraskan kepada perolehan tertahan pembukaan atau lebihan terkumpul dana pemegang saham. Pelarasan ini diperincikan seperti berikut:

**DANA PEMEGANG SAHAM**

	Nota	Pada 1.07.2010 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 1.07.2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Ekuiti</b>				
<b>Keuntungan Terkumpul</b>		310,457	42,155	352,612
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)		41,935	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		4,336	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(4,116)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA PEMEGANG SAHAM (samb)**

	Nota	Pada 1.07.2010 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 1.07.2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
--	------	-----------------------------	---	---

**Aset**

<b>Lain-lain penghutang</b>		212,806	232,209	445,015
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)		231,989	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		4,336	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(4,116)	

**Liabiliti**

<b>Liabiliti perbelanjaan</b>		-	190,054	190,054
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)		190,054	

	Nota	Pada 30.06.2011 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
--	------	------------------------------	---	--

**Ekuiti**

<b>Keuntungan Terkumpul</b>		382,261	93,677	475,938
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)		93,457	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		4,336	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(4,116)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA PEMEGANG SAHAM (samb)**

Nota	Pada 30.06.2011 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
------	------------------------------	---	--

**Aset**

<b>Lain-lain penghutang</b>		187,027	312,734	499,761
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)	312,514		
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)	4,336		
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)	(4,116)		

**Liabiliti**

<b>Liabiliti perbelanjaan</b>		-	219,057	219,057
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)	219,057		

Jadual berikut menyediakan anggaran tahap kepada yang mana setiap perkara garisan dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011 adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada yang sepatutnya telah mempunyai dasar-dasar sebelum ini digunakan dalam tempoh kewangan semasa.

**Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011**

	<b>Peningkatan RM'000</b>
Lain-lain penghutang	307,779
Liabiliti perbelanjaan	217,973
Keuntungan terkumpul	<u>89,806</u>

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA PEMEGANG SAHAM (samb)**

**Kesan ke atas Penyata Pendapatan bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011**

**(Pengurangan)/Peningkatan  
RM'000**

Perubahan dalam liabiliti perbelanjaan	(1,084)
Lebihan dipindahkan dari Dana Takaful Am	(17,332)
Lebihan dipindahkan dari Dana Takaful Keluarga	<u>12,377</u>

**DANA TAKAFUL AM**

Jadual berikut mengemukakan perubahan kepada perkara penyata kedudukan kewangan berkaitan, timbul daripada perubahan dalam dasar perakaunan dan lain-lain diselaraskan retrospektif seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3. Pelarasan kepada amaun dibawa perkara yang terlibat telah diakaunkan secara retrospektif pada 1 Julai 2010 dan 30 Jun 2011 dan diselaraskan kepada lebihan pembukaan terkumpul dana takaful am. Pelarasan ini diperincikan seperti berikut:

Pada 1.07.2010	(Pengurangan)/ Peningkatan RM'000	Pada 1.07.2010 (Dinyatakan semula)
-------------------	---	---

**Dana Peserta**

<b>Lebihan terkumpul</b>	59,778	(3,930)	55,848
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)	(4,152)	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)	4,337	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)	(4,115)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL AM (samb)**

	Pada 1.07.2010 RM'000	(Pengurangan)/ Peningkatan RM'000	Pada 1.07.2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Aset</b>			
<b>Aset kewangan AFS</b>	559,867	8,673	568,540
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)	8,673	8,673
<b>Penghutang takaful</b>			
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	81,236	(8,231)	73,005
	2.3(d)(ii)	(8,231)	(8,231)
<b>Liabiliti</b>			
<b>Lain-lain pembiayaan</b>	144,404	(3,931)	140,473
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)	(4,151)	(4,151)
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)	4,336	4,336
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)	(4,116)	(4,116)
<b>Liabiliti sijil takaful</b>	732,331	8,301	740,632
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)	8,301	8,301

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL AM (samb)**

	Nota	Pada 30.06.2011 RM'000	(Pengurangan)/ Peningkatan RM'000	Pada 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Dana Peserta</b>				
<b>Lebihan terkumpul</b>		59,679	(1,174)	58,505
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)		(1,396)	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		4,337	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(4,115)	
<b>Aset</b>				
<b>Aset kewangan AFS</b>		784,418	8,672	793,090
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		8,672	
<b>Penghutang takaful</b>		105,849	(8,231)	97,618
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(8,231)	
<b>Liabiliti</b>				
<b>Lain-lain pembiayaan</b>		211,107	(1,175)	209,932
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)		(1,395)	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		4,336	
Kesan kerugian kejejasan atas pemulihan tuntutan takaful bersama	2.3(d)(ii)		(4,116)	
<b>Liabiliti sijil takaful</b>		1,040,066	2,789	1,042,855
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(ii)		2,789	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL AM (samb)**

Jadual berikut menyediakan anggaran tahap kepada yang mana setiap perkara garisan dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011 adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada yang sepatutnya telah mempunyai dasar-dasar sebelum ini digunakan dalam tempoh kewangan semasa.

**Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011**

	<b>Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000</b>
Aset kewangan AFS	8,672
Lain-lain pembiutang	(18,507)
Liabiliti sijil Takaful	37,453
Lebihan terkumpul	<u>(18,506)</u>

**Kesan ke atas Penyata Pendapatan bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011**

	<b>Peningkatan/(Pengurangan) RM'000</b>
Manfaat dan tuntutan bersih	34,664
Lebihan dipindahkan ke dana pemegang saham	<u>(17,332)</u>

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA**

Jadual berikut mengemukakan perubahan kepada perkara penyata kedudukan kewangan berkaitan, baki timbul daripada perubahan dalam dasar perakaunan dan lain-lain diselaraskan retrospektif seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3. Pelarasan kepada amaun dibawa perkara yang terlibat telah diakaunkan secara retrospektif pada 1 Julai 2010 dan 30 Jun 2011 dan diselaraskan kepada lebihan pembukaan terkumpul dana takaful keluarga. Pelarasan ini diperincikan seperti berikut:

<b>Nota</b>	<b>Pada 1.07.2010 RM'000</b>	<b>Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000</b>	<b>Pada 1.07.2010 RM'000</b>	<b>Pada</b>
				<b>(Dinyatakan semula)</b>
<b>Dana Peserta</b>				
<b>Lebihan terkumpul</b>	609,946	487,279		1,097,225
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		370,562	
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		59,205	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		45,750	
Kesan pembalikan lebihan peruntukan dalam komisyen dibayar	2.3(d)(i)		11,762	
<b>Rizab AFS</b>	145,537	(59,205)		86,332
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		(59,205)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA (Samb)**

	Nota	Pada 1.07.2010 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 1.07.2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Aset</b>				
<b>Aset kewangan AFS</b>		4,326,859	(2,736,554)	1,590,305
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		45,750	
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		(2,782,304)	
<b>Aset kewangan FVTPL</b>		-	2,782,304	2,782,304
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		2,782,304	
<b>Aset takaful semula</b>		68,848	(37,770)	31,078
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		(37,770)	
<b>Liabiliti</b>				
<b>Pembiayaan Takaful</b>		77,149	(11,762)	65,387
Kesan pembalikan lebihan peruntukan dalam komisyen dibayar	2.3(d)(i)		(11,762)	
<b>Lain-lain pembiayaan</b>		151,934	236,140	388,074
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		236,140	
<b>Liabiliti sijil takaful</b>		4,567,279	(644,472)	3,922,807
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		(644,472)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA (Samb)**

	Nota	Pada 30.06.2011 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 30.06.2011 RM'000 (Dinyatakan semula)
<b>Dana Peserta</b>				
<b>Lebihan terkumpul</b>		748,138	547,912	1,296,050
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		362,033	
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		123,607	
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		45,750	
Kesan pembalikan lebihan peruntukan dalam komisyen dibayar	2.3(d)(i)		16,522	
<b>Rizab AFS</b>		286,489	(123,607)	162,882
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		(123,607)	
<b>Aset</b>				
<b>Aset kewangan AFS</b>		5,185,874	(3,340,336)	1,845,538
Kesan pembalikan peruntukan am bagi pengurangan	2.3(e)(ii)		45,750	
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		(3,386,086)	
<b>Aset kewangan FVTPL</b>		-	3,386,086	3,386,086
Kesan pelantikan semula aset kewangan AFS kepada aset kewangan FVTPL	2.3(e)(i)		3,386,086	
<b>Aset takaful semula</b>		40,937	(19,856)	21,081
Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)		(19,856)	

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA (Samb)**

	Nota	Pada 1.07.2010 RM'000	Peningkatan/ (Pengurangan) RM'000	Pada 1.07.2010 RM'000 (Dinyatakan semula)
--	------	-----------------------------	---	---

**Liabiliti**

<b>Pemutang Takaful</b> Kesan pembalikan lebihan peruntukan dalam komisyen dibayar	2.3(d)(i)	96,535	(16,858)	79,677
<b>Lain-lain pemutang</b> Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)	160,296	314,247	474,543
<b>Liabiliti Sijil Takaful</b> Kesan penggunaan Garis Panduan BNM	2.3(c)(iii)	5,147,078	(695,800)	4,451,278

Jadual berikut menyediakan anggaran tahap kepada yang mana setiap perkara garisan dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011 adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada yang sepatutnya telah mempunyai dasar-dasar sebelum ini digunakan dalam tempoh kewangan semasa.

**Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2011**

	<b>(Pengurangan)/Peningkatan RM'000</b>
Aset kewangan AFS	(3,340,336)
Aset kewangan FVTPL	3,386,086
Aset takaful semula	(19,856)
Lain-lain pemutang	326,624
Liabiliti sijil takaful	(735,278)
Rizab AFS	(157,626)
Lebihan terkumpul	<u>609,032</u>

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.5 Kesan Perubahan Rizab Pembukaan (Samb)**

**DANA TAKAFUL KELUARGA (Samb)**

**Kesan ke atas Penyata Pendapatan bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011**

	<b>Peningkatan/(Pengurangan) RM'000</b>
Perolehan nilai saksama dan kerugian	34,019
Manfaat dan tuntutan bersih	(39,478)
Lebihan dipindahkan ke dana pemegang saham	<u>12,377</u>

**2.6 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting**

**(a) Pertimbangan penting dibuat dalam menggunakan dasar-dasar perakaunan**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi FRS memerlukan pengurusan untuk melaksanakan pertimbangan mengenai penggunaan anggaran dan membuat andaian yang melibatkan penggunaan dasar-dasar dan jumlah dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut. Anggaran dan andaian perakaunan penting digunakan yang adalah ketara kepada penyata kewangan, dan bahagian melibatkan tahap pertimbangan dan kerumitan lebih tinggi, dinyatakan seperti di bawah:

**(i) Kerosotan nilai aset kewangan AFS**

Pertimbangan penting diperlukan untuk menilai kerosotan nilai bagi aset kewangan AFS. Syarikat menilai tempoh dan tahap sehingga yang mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kosnya; kekuuhan kewangan dan prospek perniagaan dalam tempoh masa terdekat bagi syarikat menerima pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor-faktor seperti prestasi industri dan sektor, perubahan dalam teknologi; dan aliran tunai operasi dan kewangan.

**(ii) Kerosotan nilai penghutang**

Syarikat menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa penghutang telah rosot nilai. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Syarikat adalah kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan pemungkiran atau penundaan ketara dalam bayaran.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.6 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (Samb)**

**(b) Sumber-sumber penting ketidakpastian anggaran**

Andaian penting melibatkan sumber-sumber penting masa hadapan dan sumber-sumber penting yang lain mengenai ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah.

**(i) Pelunasan dan kerosotan nilai lain-lain aset tidak ketara**

Aset tidak ketara yang boleh diasingkan dan dijual dan mempunyai hayat berguna pasti dilunaskan sepanjang anggaran hayat bergunanya.

Penentuan anggaran hayat berguna aset tidak ketara ini memerlukan pengurusan untuk menganalisis keadaan, industri dan amalan pasaran dan juga menggunakan pertimbangan. Pada setiap tarikh pelaporan, atau dengan lebih kerap apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan memerlukan, aset tidak ketara dinilai bagi petunjuk kerosotan nilai. Sekiranya petunjuk wujud, aset ini adalah tertakluk kepada kajian kerosotan nilai. Semakan kerosotan nilai terdiri daripada perbandingan amaun dibawa aset dengan jumlah boleh diperoleh semulanya.

**(ii) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan bagi perniagaan takaful am**

Ketidakpastian utama dalam liabiliti sijil takaful am timbul daripada peruntukan teknikal yang termasuk liabiliti caruman dan liabiliti tuntutan. Asas penilaian liabiliti caruman dijelaskan dalam Nota 2.2 (k) (ii) penyata kewangan.

Asas anggaran bagi rizab caruman tidak terperoleh dijelaskan dalam penyata dasar perakaunan berkaitan manakala liabiliti tuntutan terdiri daripada peruntukan bagi tuntutan belum lunas. Pada amnya, liabiliti tuntutan dianggarkan berdasarkan pengalaman tuntutan, pengetahuan peristiwa sedia ada, terma-terma dan syarat-syarat, dasar-dasar berkenaan dan tafsiran keadaan. Khususnya yang berkaitan dengan pengalaman lepas dalam hal serupa, rentak perkembangan tuntutan sejarah, perubahan perundangan, keputusan kehakiman dan keadaan ekonomi. Ia adalah pasti bahawa caruman sebenar, masa hadapan tersebut dan liabiliti tuntutan tidak akan wujud sebenarnya sebagaimana diunjurkan dan ia berubah daripada unjuran.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.6 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (Samb)**

**(b) Sumber-sumber penting ketidakpastian anggaran (Samb)**

**(ii) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan bagi perniagaan takaful am (samb)**

Anggaran liabiliti caruman dan liabiliti tuntutan dengan yang demikian adalah sensitif kepada pelbagai faktor dan ketidakpastian. Kewujudan peruntukan teknikal adalah proses tidak pasti yang sedia ada dan, akibat daripada ketidakpastian ini, penyelesaian caruman dan liabiliti tuntutan pada akhirnya mungkin berubah daripada anggaran awal.

**(iii) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan bagi perniagaan takaful keluarga**

Mungkin terdapat selama masa pelaporan ketara di antara berlakunya peristiwa yang diinsuranskan dan masa yang ia sebenarnya telah dilaporkan. Berikut dengan pengenalpastian dan pemberitahuan mengenai kerugian yang diinsuranskan, mungkin masih timbul ketidakpastian mengenai magnitud tuntutan. Terdapat banyak faktor yang akan menentukan tahap ketidakpastian seperti inflasi, tafsiran kehakiman, perubahan perundangan dan prosedur pengendalian tuntutan.

Bagi sijil takaful keluarga, anggaran dibuat bagi kematian, hilang upaya, kematangan dan pulangan pelaburan pada masa hadapan selaras dengan pengalaman syarikat. Dana takaful keluarga berdasarkan anggaran daripada bilangan kematian dijangka pada jadual kemortalan berkanun, diselaraskan di mana sesuai untuk menunjukkan pendedahan risiko unik dana. Anggaran bilangan kematian menentukan nilai manfaat masa hadapan yang mungkin untuk dibayar, yang akan dijadikan faktor dalam memastikan perlindungan mencukupi melalui rizab, yang sebaliknya diawasi terhadap caruman semasa dan pada masa hadapan.

Bagi sijil-sijil tersebut yang meliputi risiko berkaitan dengan hilang upaya, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman lepas dan perkembangan yang muncul baru-baru ini.

Pada setiap tarikh pelaporan, anggaran ini dinilai semula bagi kecukupan dan perubahan akan ditunjukkan sebagai pelarasan kepada liabiliti.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**2.6 Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting (Samb)**

**(b) Sumber-sumber penting ketidakpastian anggaran (Samb)**

**(iv) Cukai tertunda**

Implikasi cukai tertunda timbul daripada perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat diukur dengan merujuk kepada anggaran realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara dalam tempoh-tempoh pada masa hadapan dalam mana kadar cukai dijangka terpakai, berdasarkan kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan. Manakala anggaran pengurusan ke atas realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara adalah berdasarkan maklumat tersedia pada tarikh pelaporan, perubahan dalam strategi perniagaan, prestasi kendalian masa hadapan dan faktor-faktor lain yang mungkin memberi kesan ke atas pemasaan sebenar dan jumlah perbezaan sementara direalisasi dan diselesaikan. Sebarang perbezaan di antara jumlah sebenar dan anggaran jumlah akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh dalam mana realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua peruntukan kerosotan nilai pelaburan, pelunasan bersih premium dalam pelaburan dan lain-lain perbezaan sementara sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana manfaat boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan ketara diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kemungkinan pemasaan dan tahap keuntungan boleh dicukai pada masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai pada masa hadapan.

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

**Dana pemegang saham**

	<b>Perabot, pemasangan, peralatan pejabat dan pengubahsuaian</b> <b>RM'000</b>	<b>Peralatan komputer</b> <b>RM'000</b>	<b>Kenderaan bermotor</b> <b>RM'000</b>	<b>Jumlah</b> <b>RM'000</b>
<b>31.12.2011</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Julai 2011	22,261	15,974	589	38,824
Tambahan	112	24	-	136
Pelarasan	(68)	-	-	(68)
Klasifikasi semula	(2,915)	-	-	(2,915)
Pada 31 Disember 2011	<u>19,390</u>	<u>15,998</u>	<u>589</u>	<u>35,977</u>
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Julai 2011	17,809	15,835	502	34,146
Caj bagi tempoh kewangan	318	36	18	372
Pada 31 Disember 2011	<u>18,127</u>	<u>15,871</u>	<u>520</u>	<u>34,518</u>
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 31 Disember 2011	<u>1,263</u>	<u>127</u>	<u>69</u>	<u>1,459</u>
<b>30.06.2011</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Julai 2010	19,845	15,972	589	36,406
Tambahan	2,528	2	-	2,530
Pelarasan	(112)	-	-	(112)
Pada 30 Jun 2011	<u>22,261</u>	<u>15,974</u>	<u>589</u>	<u>38,824</u>
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Julai 2010	16,697	15,726	497	32,920
Caj bagi tahun kewangan	1,112	109	5	1,226
Pada 30 Jun 2011	<u>17,809</u>	<u>15,835</u>	<u>502</u>	<u>34,146</u>
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 30 Jun 2011	<u>4,452</u>	<u>139</u>	<u>87</u>	<u>4,678</u>

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

**Dana takaful am**

<b>31.12.2011</b>	<b>Kos</b>	<b>Perabot, pemasangan, peralatan pejabat dan pengubahsuaian</b>	<b>Peralatan komputer</b>	<b>Jumlah</b>
		<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
Pada 1 Julai/ 31 Disember 2011		579	1,514	2,093
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Julai 2011		571	1,514	2,085
Caj bagi tempoh kewangan		2	-	2
Pada 31 Disember 2011		573	1,514	2,087
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 31 Disember 2011		6	-	6
 <b>30.06.2011</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Julai 2010/ 30 Jun 2011		579	1,514	2,093
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Julai 2010		566	1,514	2,080
Caj bagi tahun kewangan		5	-	5
Pada 30 Jun 2011		571	1,514	2,085
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 30 Jun 2011		8	-	8

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

**Dana takaful keluarga**

<b>31.12.2011</b>	<b>Kos</b>	<b>Perabot, pemasangan, peralatan pejabat dan pengubahsuaian RM'000</b>	<b>Peralatan komputer RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Pada 1 Julai/ 31 Disember 2011		1,838	1,859	3,697
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Julai 2011		1,829	1,859	3,688
Caj bagi tempoh kewangan	4	-	4	
Pada 31 Disember 2011		1,833	1,859	3,692
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 31 Disember 2011		5	-	5
 <b>30.06.2011</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Julai 2010/30 Jun 2011		1,838	1,859	3,697
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada Julai 2010		1,822	1,858	3,680
Caj bagi tahun kewangan	7	1	8	
Pada 30 Jun 2011		1,829	1,859	3,688
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 30 Jun 2011		9	-	9

**ETIQA TAKAFUL BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

Termasuk dalam harta tanah, loji dan peralatan Syarikat adalah kos aset disusut nilai sepenuhnya, dan masih digunakan, adalah seperti berikut:

	<b>Dana pemegang saham</b> <b>RM'000</b>	<b>Dana takaful am</b> <b>RM'000</b>	<b>Dana takaful keluarga</b> <b>RM'000</b>
--	---	---	---

**31.12.2011**

Perabot, pemasangan, peralatan pejabat dan pengubahsuaian  
Peralatan komputer  
Kenderaan bermotor

	16,997	556	1,806
	15,742	1,514	1,859
	445	-	-
	33,184	2,070	3,665

**30.06.2011**

Perabot, pemasangan, peralatan pejabat dan pengubahsuaian  
Peralatan komputer  
Kenderaan bermotor

	12,861	556	1,806
	15,680	1,514	1,859
	445	-	-
	28,986	2,070	3,665

**4. ASET TIDAK KETARA**

